



2015
LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

MiROS
MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

KANDUNGAN

CONTENTS

MAKLUMAT KORPORAT / CORPORATE INFORMATION	4
● Visi / <i>Vision</i>	5
● Misi / <i>Mission</i>	5
● Fungsi / <i>Function</i>	5
● Tentang MIROS / <i>About MIROS</i>	7
● Lagu Rasmi MIROS / <i>MIROS Official Song</i>	8
● Bendera MIROS / <i>MIROS Flag</i>	8
● Perutusan Menteri Pengangkutan / <i>Message from Minister of Transport</i>	10
● Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan / <i>Message from Secretary General, Ministry of Transport</i>	11
● Laporan Ketua Pengarah MIROS / <i>Report from Director General, MIROS</i>	12
PROFIL KORPORAT / CORPORATE PROFILE	18
● Lembaga Pengarah / <i>Board of Directors</i>	19
● Pengurusan / <i>Management</i>	22
● Carta Organisasi / <i>Organisation Chart</i>	23
● Warga MIROS / <i>MIROS Staff</i>	24
● Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama 2015 / <i>Key Performance Indicators Achievements 2015</i>	27
LAPORAN AKTIVITI MIROS 2015 / MIROS 2015 ACTIVITIES REPORT	32
● Penyelidikan dan Pembangunan / <i>Research and Developments</i>	34
● Penemuan Penyelidikan Utama / <i>Key Research Findings</i>	37
● Laporan Operasi Pusat Penyelidikan / <i>Research Centres Operation Report</i>	72
● Pemindahan Ilmu / <i>Knowledge Transfer</i>	84
● Bahagian Khidmat Pengurusan / <i>Management Service Division</i>	90
● Korporat dan Pengurusan Ilmu / <i>Corporate and Knowledge Management</i>	95
● Program Keselamatan Jalan Raya / <i>Road Safety Programme</i>	99
● Program Penilaian Kereta Baharu Negara ASEAN (ASEAN NCAP) / <i>New Car Assessment Programme for Southeast Asia Countries (ASEAN NCAP)</i>	100
● Program Penggredan Bintang Keselamatan / <i>Safety Star Grading Programme</i>	104

● Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa / <i>International Road Assessment Programme</i>	106
● Pendidikan Keselamatan Jalan Raya / <i>Road Safety Education</i>	108
PENYATA KEWANGAN / <i>FINANCIAL STATEMENTS</i>	112
● Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan MIROS bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 <i>Report of Auditor General on MIROS Financial Statements as at 31 December 2015</i>	113
● Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah <i>Chairman and A Member of Board Directors Statement</i>	115
● Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan <i>Acknowledgement by Principal Officer Incharge of Financial Management</i>	116
● Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 <i>Balance Sheet as at 31 December 2015</i>	117
● Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 <i>Income Statement for the Year Ended 31 December 2015</i>	118
● Penyata Perubahan dalam Ekuiti bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 <i>Changes in Equity Statement for the Year Ended 31 December 2015</i>	119
● Penyata Aliran Tunai bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 <i>Cash Flow Statement for Year Ended 31 December 2015</i>	120
● Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015 <i>Notes to the Financial Statements for the Financial Year Ended 31 December 2015</i>	121
ANUGERAH, PENGIKTIRAFAN DAN PROGRAM / <i>AWARDS, RECOGNITION AND PROGRAMMES</i>	133

An aerial, high-angle photograph of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent elevated highway and a red and white train. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden sky. The image is overlaid with a semi-transparent orange filter.

MAKLUMAT KORPORAT
CORPORATE INFORMATION

MIROS

MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

VISI

Untuk muncul sebagai peneraju dunia dalam penyelidikan keselamatan jalan raya

MISI

Untuk memupuk sains dan kesenian dalam intervensi keselamatan jalan raya

VISION

To emerge as the world leader in road safety research

MISION

To foster the science and arts of road safety interventions

FUNGSI

- Menjalankan penyelidikan berimpak tinggi yang akan diterjemahkan menjadi dasar keselamatan negara.
- Membangunkan objektif, dasar dan keutamaan nasional untuk pembangunan dan pengurusan penyelidikan keselamatan.
- Menambah baik dan meningkatkan pengetahuan berdasarkan perkembangan baharu dalam isu-isu keselamatan jalan raya.
- Memudahkan audit dan akreditasi dalam mereka bentuk kurikulum dan piawaian keselamatan jalan raya .
- Mengusulkan intervensi / program yang berasaskan bukti dan menjimatkan kos.
- Berperanan sebagai pusat pengetahuan dan penghubung bidang keselamatan jalan raya
- Berperanan sebagai pusat rundingan dan nasihat bagi isu-isu keselamatan jalan raya.

FUNCTION

- *Conduct high impact research that will be translated into road safety policies.*
- *Develop national objectives, policies, and priorities for the orderly development and administration of road safety research.*
- *Enhance and increase knowledge based on new developments in issues related to road safety.*
- *Serve as an audit and accreditation agency in curriculum design and standards on road safety.*
- *Propose evidenced based cost-effective interventions/ programmes.*
- *Serve as a repository of knowledge and linkage on road safety.*
- *Serve as a centre providing consultation and advice on road safety issues.*

An aerial, high-angle photograph of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent elevated highway and a red and white train. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden light. The image is overlaid with text.

TENTANG MIROS, LAGU RASMI DAN BENDERA MIROS

*ABOUT MIROS, OFFICIAL SONG AND
MIROS FLAG*

TENTANG MIROS

ABOUT MIROS



Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan sebagai sebuah pusat sehenti penjana, penghasilan dan penyebaran ilmu serta maklumat keselamatan jalan raya. Hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan dan program-program intervensi berdasarkan bukti sebagai asas bagi membangunkan strategi, undang-undang, dasar dan langkah-langkah penguatkuasaan baharu terhadap keselamatan jalan raya di peringkat kebangsaan. Terlibat secara langsung di dalam penyelidikan, MIROS bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan swasta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

Pada tahun 2014, Menteri Pengangkutan ASEAN telah melantik MIROS sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN. Pusat ini bertujuan untuk menyumbang dan mempromosikan pengetahuan mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan negara ASEAN, ini termasuklah undang-undang jalan raya, pengurusan data, pembangunan piawaian, pendidikan dan kesedaran keselamatan jalan raya.

The Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) was established in 2007 as an agency under the Ministry of Transport Malaysia to serve as a central repository of knowledge and information on road safety. The findings derived from research and evidence-based intervention programmes provide the basis for the formulation of new strategies, legislations, policies, and enforcement measures, governing road safety at the national level. Principally engaged in research, MIROS collaborates closely with local and international government agencies and private bodies to further the cause of road safety.

In 2014, the ASEAN Transport Ministers had appointed MIROS as the ASEAN Road Safety Centre. The aims of this centre are to promote and provide knowledge on road safety issues among ASEAN Member States which includes road traffic laws and regulations, data management, standards development, and road safety awareness and education.

LAGU RASMI MIROS MIROS OFFICAL SONG

BENDERA MIROS MIROS FLAG

Demi negara kita
Dan seluruh dunia
Kita cekal bertugas
Mencapai cemerlang

Kita sentiasa mencari
Penyelesaiannya
Segala masalah
Nahas di jalan raya
Kita sentiasa menerokainya
Untuk keselamatan semua

MIROS
Utamakan keselamatan
Untuk capai kesejahteraan
Agar tercapai impian
Hapus kesengsaraan

MIROS
Teruskan usaha murni
Dengan keikhlasan hati
Memberi impak yang waja
Harum namamu di dunia
MIROS



Bentuk “diamond” melambangkan keselamatan jalan raya yang merupakan “core business” penyelidikan yang dijalankan oleh MIROS. Ikon dunia ditonjolkan bagi memaparkan visi MIROS untuk muncul sebagai peneraju dunia dalam penyelidikan keselamatan jalan raya melalui misi organisasi untuk memupuk sains dan kesenian dalam intervensi keselamatan jalan raya. Lima bintang yang terdapat pada bendera tersebut menunjukkan aspirasi MIROS untuk menghasilkan pemandu, kenderaan dan jalan raya yang bertaraf lima bintang hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Tiga garisan melintang melambangkan tiga teras utama penyelidikan MIROS yang merangkumi penyelidikan berkenaan keselamatan pengguna jalan raya, kenderaan dan jalan raya. Tiga garisan melintang yang berwarna hitam, kelabu, dan putih, melambangkan perkembangan MIROS untuk meningkatkan mutu keselamatan jalan raya di Malaysia.

The “diamond” shape signifies road safety research as the “core business” of MIROS. The globe icon is highlighted to describe MIROS’ vision to emerge as the world leader in road safety research via the organisation’s mission which is to foster the science and arts of road safety interventions. The five stars on the flag indicate MIROS’ aspiration to produce 5-star drivers, 5-star vehicles and 5-star roads from the research carried out. Three horizontal lines symbolise the three main thrust of MIROS’ research which comprises road safety research related to road users, vehicles and roads. Three horizontal lines in black, grey and white below the “diamond” shape symbolise MIROS’ development to improve road safety situation in Malaysia.

An aerial, high-angle view of a cityscape, likely Kuala Lumpur, Malaysia, during a hazy or golden-hour period. The image is dominated by a curved, elevated monorail track that runs through the center. A red and white monorail train is visible on the track, moving towards the right. Below the track, there are roads with cars and a dense area of green trees. In the background, the city skyline is visible, featuring several high-rise buildings, most notably the Petronas Twin Towers. The overall color palette is a warm, golden-yellow, giving the scene a soft, atmospheric quality.

PERUTUSAN
MESSAGES

PERUTUSAN MENTERI PENGANGKUTAN MESSAGE FROM THE MINISTER OF TRANSPORT

DATO' SRI LIOW TIONG LAI

Menteri Pengangkutan Malaysia
Minister of Transport Malaysia

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga MIROS kerana berjaya menerbitkan Laporan Tahunan MIROS 2015.

Semenjak penubuhan MIROS pada tahun 2007, pelbagai penyelidikan telah dijalankan malah telah diterjemahkan kepada polisi-polisi keselamatan jalan raya. Ini memberi manfaat kepada rakyat Malaysia khususnya pengguna-pengguna jalan raya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada MIROS selaku Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN kerana telah berjaya menganjurkan Conference of ASEAN Road Safety (CARS 2015). Persidangan ini telah berjaya mengumpulkan pakar dan penyelidik keselamatan jalan raya bukan sahaja dari negara ASEAN malah dari seluruh dunia untuk berkongsi kepakaran mereka. Usaha ini bukan sahaja telah melonjakkan nama MIROS sebagai pemain utama dalam bidang keselamatan jalan raya malah menunjukkan komitmen Malaysia dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada seluruh warga MIROS atas sumbangan dan pencapaian prestasi yang memberangsangkan sepanjang tahun 2015. Saya yakin MIROS akan terus melipatgandakan usaha secara bersepadu untuk menjadi peneraju pusat penyelidikan keselamatan jalan raya di dunia.



Greetings and Salam 1 Malaysia

First of all, I would like to take this opportunity to congratulate the management and staff of MIROS for The 2015 Annual Report publication.

Since its establishment in 2007, MIROS has successfully not only undertaken various researches, but the findings have also been translated into road safety policies which has benefited the Malaysian, in particular the road users.

My utmost gratitude to MIROS as the ASEAN Road Safety Centre for successfully organising the Conference of ASEAN Road Safety (CARS2015). This conference has attracted numerous leading road safety experts and researchers from countries all over the world to share their experiences. This effort not only enhance Malaysia's reputation as a key player at international level in road safety but has signified Malaysia's commitment in reducing the accident rate in the country.

Finally, I would like to express my highest appreciation to MIROS staff for their contributions and performance in 2015. I am confident that MIROS will continue to synergise efforts to become a leading road safety research institute.

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

MESSAGE FROM SECRETARY GENERAL, MINISTRY OF TRANSPORT MALAYSIA

DATO' SRI DR. ISMAIL HJ BAKAR

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia
Secretary General, Ministry of Transport Malaysia



Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada warga MIROS ke atas penerbitan Laporan Tahunan MIROS 2015.

Laporan Tahunan MIROS 2015 merupakan salah satu medium penyebaran maklumat dan bahan rujukan terutama dalam hal-hal berkaitan dengan perkembangan penyelidikan keselamatan jalan raya.

Semenjak penubuhan MIROS pada tahun 2007, MIROS telah bertungkus lumus dan telah berjaya menterjemahkan hasil-hasil penyelidikan keselamatan jalan raya kepada polisi kerajaan. Secara tidak langsung, MIROS telah menjadi 'think tank' kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Dalam tahun 2015, pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan dengan cemerlang. Penglibatan aktif MIROS di dalam persidangan luar negara secara langsung serta lawatan-lawatan agensi luar negara ke MIROS mencerminkan bahawa MIROS berada di tahap yang tinggi pada mata kaca organisasi-organisasi luar negara.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada MIROS di atas komitmen berterusan yang telah diberikan. Semoga rakyat Malaysia dapat memanfaatkan usaha-usaha murni yang dilaksanakan oleh MIROS.

Greetings and Salam 1Malaysia

I would like to take this opportunity to congratulate MIROS staff on the publication of MIROS 2015 Annual Report.

MIROS 2015 Annual Report is one of the ways of disseminating information and reference material to readers, particularly on matters relating to the development of road safety research.

Since its establishment in 2007, MIROS has worked hard and successfully translated research findings to government policies related to road safety. Undeniably, MIROS has become the 'think tank' for the Ministry of Transport Malaysia.

In 2015, various activities and programmes were implemented with great success. MIROS' active involvement in international conferences and visits from overseas delegates indicate that MIROS is highly regarded by international bodies.

Congratulations and well done to MIROS, and hope that all Malaysians will benefit from the noble efforts carried out by MIROS.

LAPORAN KETUA PENGARAH MIROS

REPORT FROM DIRECTOR GENERAL OF MIROS

PROF. DR. WONG SHAW VOON

Ketua Pengarah MIROS
Director General of MIROS



Tahun 2015 telah menyaksikan MIROS terus dikenali di mata dunia dengan pencapaian yang memberangsangkan. Bermula pada tahun 2007, MIROS yang berfungsi sebagai agensi penyelidikan keselamatan jalan raya di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia terus melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, serta intervensi keselamatan jalan raya selaras dengan visinya untuk muncul sebagai peneraju dunia dalam penyelidikan keselamatan jalan raya.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (2015), kematian akibat kemalangan jalan raya adalah berjumlah 6706 pada tahun 2015 berbanding 6674 pada tahun 2014. Anggaran kerugian kepada ekonomi negara akibat kematian di jalan raya mencecah RM 8.7 bilion pada tahun 2015.

MIROS akan terus berusaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya serta menyokong hasrat kerajaan bagi mengurangkan kadar kematian kepada 50% menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2015, secara keseluruhannya prestasi MIROS dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan serta perundingan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. MIROS telah menjalankan 71 projek penyelidikan yang merangkumi 60 projek penyelidikan dalaman, serta 11 projek kolaborasi dengan pihak luar.

This year 2015 has seen MIROS continue to be acknowledged at the international stage due to its outstanding achievements. Since 2007, MIROS which functions as a road safety research agency under the Ministry of Transport Malaysia has undertaken various research and development activities, as well as road safety interventions in accordance with its vision to emerge as a world leader in road safety research.

According to the Royal Police Malaysia statistics (2015), road accident fatalities totalled to 6706 in 2015 compared to 6674 in 2014. As such the estimated losses to the national economy as a result of road deaths reached RM 8.7 billion in 2015.

MIROS will continue to strive to raise the level of road safety and to support the government's aspiration to reduce the mortality rate to 50% by 2020.

Throughout 2015, MIROS' general achievement in research, development and consultancy activities has been satisfactory. MIROS has conducted 71 research projects comprising 60 internal research projects, and 11 collaboration projects with external parties.

LAPORAN KETUA PENGARAH MIROS

REPORT FROM DIRECTOR GENERAL OF MIROS

Dalam usaha menjadikan MIROS sebagai sebuah pusat penyelidikan berkapasiti tinggi, MIROS perlu mempunyai hubungan jaringan kerjasama yang mantap di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 termasuk memeterai tiga perjanjian persefahaman dan penglibatan 16 keahlian dalam pelbagai jawatankuasa berkaitan keselamatan jalan raya. Selain itu, MIROS turut menerima 43 lawatan delegasi tempatan dan luar negara.

Perkongsian hasil penyelidikan berimpak tinggi merupakan salah satu agenda MIROS. Oleh itu, MIROS telah menganjurkan Conference of ASEAN Road Safety 2015 (CARS2015) sebagai salah satu inisiatif untuk mencapai matlamat tersebut. CARS2015 telah berjaya mengumpulkan lebih daripada 300 pakar dan penyelidik dalam bidang keselamatan jalan raya dari 15 negara untuk tujuan perkongsian maklumat.

MIROS juga telah menganjurkan ASEAN Automobile Safety Forum 2015 di Bandung, Indonesia sebagai satu usahasama untuk meningkatkan kesedaran tentang kenderaan yang lebih selamat selain untuk mempromosikan Program Penilaian Keselamatan Kereta Baharu Negara ASEAN (ASEAN NCAP) di negara tersebut. Program ini merupakan edisi ketiga yang dianjurkan oleh MIROS dengan bertemakan "Promoting Safer Cars and Child Restraint System". Selain daripada sesi pengumuman keputusan ujian perlanggaran kenderaan ASEAN NCAP untuk pasaran Indonesia, beberapa sesi dialog teknikal telah dilaksanakan pada platform tersebut. Sesi dua hari tersebut telah disertai oleh seramai 200 orang yang terdiri daripada penyelidik dan pengeluar kenderaan. Ini sejajar dengan pelantikan MIROS sebagai "ASEAN Road Safety Centre".

In an effort to propel MIROS towards becoming a high-capacity research centre, it is necessary for us to force strong network and linkages at both national and international levels. Among the initiatives implemented in 2015 includes the successful signing of three (3) Memoranda of Understanding as well as 16 memberships in various committees related to road safety. In addition to that, MIROS has played host to 43 local and international delegations.

Sharing of high impact research output remains an important activity for MIROS. Hence, MIROS has organised the Conference of ASEAN Road Safety 2015 (CARS2015) as an initiative to achieve such target. CARS 2015 managed to bring together more than 300 experts from 15 countries to exchange information pertaining to road safety.

MIROS also organised the ASEAN Automobile Safety Forum 2015 in Bandung, Indonesia as a collaborative effort to raise awareness about safer vehicles in addition to promote the New Car Assessment Programme for Southeast Asian Countries (ASEAN NCAP) in the country. This programme is the third edition organised by MIROS with the theme "Promoting Safer Cars and Child Restraint System". Apart from the announcement of ASEAN NCAP crash test results for vehicles available in the Indonesian market, several technical dialogue sessions were also held. The two-day session was attended by about 200 participants including researchers and vehicle manufacturers. This is in line with MIROS appointment as "ASEAN Road Safety Centre".

LAPORAN KETUA PENGARAH MIROS

REPORT FROM DIRECTOR GENERAL OF MIROS

Third Seminar on Road Safety Management telah dianjurkan dengan penglibatan seramai 80 orang peserta di kalangan pengendali bas, syarikat pengangkutan, agensi swasta dan kerajaan. Melalui seminar ini, para peserta dapat memahami lebih mendalam berkaitan pengurusan keselamatan jalan raya terutamanya pengurusan pemandu. Seminar ini juga menjadi platform bagi pakar industri dan kerajaan untuk berbincang dan berdialog secara lebih berkesan.

MIROS telah diberikan penghormatan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk mewakili kerajaan di Second Global High-Level Conference on Road Safety di Brasilia, Brazil pada November 2015 bagi membentangkan ASEAN Declaration for Road Safety pada persidangan tersebut. Persidangan ini telah membincangkan isu keselamatan jalan raya di peringkat global dan MIROS juga telah dilantik sebagai ahli panel di dalam perbincangan yang berkaitan. ASEAN Declaration on Road Safety Strategy menunjukkan komitmen negara anggota ASEAN untuk menangani isu keselamatan jalan raya dan untuk menyelaraskan intervensi keselamatan jalan raya di rantau ini. Inisiatif ini adalah salah satu sumbangan berimpak tinggi dari MIROS sebagai Pusat ASEAN bagi Keselamatan Jalan Raya yang telah dilantik oleh negara ASEAN pada tahun 2014.

Selain itu, MIROS juga menganjurkan beberapa program bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia. Program penarafan bintang keselamatan bagi pengendali bas yang dikenali sebagai "Safety Star Grading for Bus Operators" telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan bas di Malaysia. Pada tahun 2015, sebanyak 10 syarikat pengendali bas telah dinilai secara sukarela melalui program ini.

Dalam perkembangan lain, MIROS telah meluaskan usaha perkhidmatan perundingan dan pembangunan kapasiti di dalam Program Penilaian

The Third Seminar on Road Safety Management was organised with the involvement of 80 participants comprising bus operators, transport companies, private and government agencies. Through this seminar, participants will be able to gain in-depth understanding of road safety management, especially driver management. The seminar served as a platform for experts from industry and government to discuss and dialogue more effectively.

MIROS was given the honour by the Ministry of Transport Malaysia to represent the ministry at the Second Global High-Level Conference on Road Safety in Brasilia, Brazil in November 2015. At the conference, MIROS was elected and appointed to present the ASEAN Declaration for Road Safety. The conference discussed the issue of road safety at the global level and MIROS was also appointed as a panel in one of the related discussions. The ASEAN Declaration on Road Safety Strategy demonstrates ASEAN Member States' commitment to address the road safety issues and to streamline the road safety interventions in the region. This initiative is one of the high-impact contributions from MIROS as the ASEAN Centre for Road Safety which was appointed by the ASEAN countries in 2014.

In addition, MIROS also organised several programmes to improve the level of road safety in Malaysia. The Safety Star Grading for Bus Operators programme has been implemented to increase the level of consumer confidence in bus service in Malaysia. Through this programme, a total of 10 bus companies was evaluated on voluntary basis in 2015.

In other developments, MIROS has expanded its consultation services and capacity building in International Road Assessment Programme, this includes projects that have been carried out for other countries such as Brunei and Papua New Guinea during the year 2015.

LAPORAN KETUA PENGARAH MIROS

REPORT FROM DIRECTOR GENERAL OF MIROS

Keselamatan Jalan Raya Antarabangsa, ini termasuklah projek-projek yang telah dijalankan untuk negara lain seperti Brunei dan Papua New Guinea sepanjang tahun 2015.

MIROS telah memberikan khidmat perundingan bagi penyesuaian sistem MIROS Road Accident Analysis and Database System (M-ROADS) untuk kegunaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Sistem yang telah disesuaikan ini dinamakan sebagai Malaysian Highway Road Accident Database System (MHROADS). LLM menggunakan sistem ini untuk mengintegrasikan data-data kemalangan di lebuhraya daripada syarikat konsesi supaya hasil pengumpulan data tersebut dapat dilaporkan secara lebih sistematik.

Bagi pengoperasian MIROS, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 15.2 juta termasuk peruntukan 'one-off' yang berjumlah RM 3 juta. Pada masa yang sama, MIROS sekali lagi berjaya mengekalkan Sijil Audit Bersih ke atas Penyata Kewangan secara berturutan selama lapan tahun sejak diaudit dari tahun 2007.

Justeru, saya mengharapkan setiap warga MIROS agar bersama-sama mendukung visi, misi dan objektif yang digariskan. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada MIROS. Saya menyeru agar semua pihak dapat bekerjasama bagi mencapai matlamat kerajaan dalam agenda keselamatan jalan raya.

Sekian, terima kasih.

MIROS also provided consultancy service for a system adjustment on MIROS Road Accident Analysis and Database System (M-ROADS). The new system is for the utilization of the Malaysian Highway Authority (LLM) and was named as the Malaysian Highway Road Accident Database System (MHROADS). LLM uses this system to integrate road accident data based on the information they received from the highway concessionaires. Through the collection of such data the system will be able to generate a systematic report.

In terms of operation, the Government allocated RM 15.2 million including a 'one-off' provision for MIROS which amounted to RM 3 million. At the same time, MIROS has once again managed to maintain the Auditor General Certification of Financial Statements for the eighth consecutive year starting from 2007.

Finally, I hope every MIROS staff member will continue to lend a hand in supporting the Vision, Mission and Objectives that we have outlined. I also wish to express our deepest appreciation of various parties for their cooperation and unrelenting support towards MIROS over the years. I urge all parties to work hand in hand to achieve the Government's road safety agenda.

Thank you.





Road Transport
To ensure a world-class road transport system
Department Malaysia

Mission
Road Transport Department Malaysia

to ensure safety and efficiency through
high management and service delivery
and to ensure the welfare and protection
of all users.

Department Malaysia

of motor vehicles

commitment to

motor vehicles.

integrity and

its clear rules.

efficiency of

to automotive

LIM TONG LAM

TRADE
TRADE

An aerial, high-angle photograph of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent elevated train track. A red and white train is moving along the track. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden sky. The overall image has a warm, orange-tinted overlay.

PROFIL KORPORAT
CORPORATE PROFILE

An aerial, high-angle photograph of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent monorail train on an elevated track. The train is red and white, moving from right to left. Below the monorail is a multi-lane highway with several cars. The background shows a dense urban skyline with various skyscrapers, including the Petronas Twin Towers, under a hazy, golden-brown sky. The entire image has a warm, monochromatic orange tint.

LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS

LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS



Pengerusi / *Chairman*

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye

Pengerusi, Institut Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan Negara /
*Chairman, National Institute
of Occupational Safety and Health*



YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj. Bakar
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Secretary General, Ministry of Transport Malaysia



Profesor Dr. Wong Shaw Voon
Ketua Pengarah / *Director General*
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
Malaysian Institute of Road Safety Research



YBhg. Dato' Sri Ismail Ahmad
Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan
Director General, Road Transport Department



YTM Tunku Datuk Mudzaffar Tunku Mustapha
Pengerusi, Automobile Association of Malaysia
Chairman, Automobile Association of Malaysia

LEMBAGA PENGARAH *BOARD OF DIRECTORS*



YBhg. Dato' Ir. Haji Annies Md Ariff
Mantan Ketua Pengarah Kerja Raya,
Jabatan Kerja Raya
*Former Director General,
Public Works Department*



En. Abd Ghafar Yusof
Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
*Director General,
Department of Road Safety*



Datuk Haji Azman bin Ismail
Pengarah Urusan, Shell Malaysia
Managing Director, Shell Malaysia



Encik Ezleezan Othman
Pengarah Projek GST,
Kementerian Kewangan Malaysia
*GST Project Manager,
Ministry of Finance Malaysia*



Dr. Chong Chee Kheong
Pengarah, Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan
*Director, Disease Control Division,
Ministry of Health*



Pn. Aidanurfirhan Badaruddin
Setiausaha / Secretary
Ketua, Bahagian Khidmat Pengurusan
Head, Management Services Division

PENGURUSAN MANAGEMENT



Prof. Dr. Wong Shaw Voon
Ketua Pengarah / *Director General*



Dr. Low Suet Fin
Pengarah, Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah
Laku Pengguna Jalan Raya
*Director, Road User Behavioural Change
Research Centre*



Dr. Siti Zaharah Ishak
Pengarah, Pusat Penyelidikan Kejuruteraan
Keselamatan Jalan Raya dan Persekitaraan
*Director, Road Safety Engineering
and Environment Research Centre*




Ir. Mohd Rasid Osman
Pengarah, Pusat Penyelidikan Keselamatan
Kenderaan dan Biomekanik
*Director, Vehicle Safety and Biomechanics
Research Centre*



Pn. Aidanurfirhan Badaruddin
Ketua, Bahagian Khidmat Pengurusan
Head, Management Services Division

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATIONS CHART



An aerial, high-angle photograph of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent monorail train on an elevated track. The train is red and white, moving from right to left. Below the monorail is a multi-lane highway with several cars. The background shows a dense urban skyline with various skyscrapers, including the Petronas Twin Towers, under a hazy, golden sky. The entire image has a warm, orange-yellow color cast.

WARGA MIROS



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2015

KEY PERFORMANCE INDICATORS ACHIEVEMENTS 2015

AKTIVITI PENYELIDIKAN / RESEARCH ACTIVITIES

PETUNJUK / INDICATORS	PERANCANGAN / ASPIRED	PENCAPAIAN / ACHIEVED
Bilangan projek penyelidikan yang dijalankan / <i>Number of projects executed</i>	45	71
Bilangan projek dalaman yang dijalankan / <i>Number of projects executed internally</i>	36	60
Bilangan projek daripada pihak luar yang dijalankan / <i>Number of project executed from external party</i>	6	11

HASIL PENYELIDIKAN / RESEARCH OUTPUT

PETUNJUK / INDICATORS	PERANCANGAN / ASPIRED	PENCAPAIAN / ACHIEVED
Penerbitan Dalaman (MRR, MIR, MER, MRev, MCP, MRSA) / <i>Internal publications (MRR, MIR, MER, MRev, MCP, MRSA)</i>	10	7
Artikel jurnal dan Prosiding persidangan diterbitkan / <i>Journal papers and conference proceedings published</i>	24	40
Produk dihasilkan / <i>Product produced</i>	3	11

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2015

KEY PERFORMANCE INDICATORS ACHIEVEMENTS 2015

PERKHIDMATAN PROFESIONAL / *PROFESSIONAL SERVICE*

PETUNJUK / <i>INDICATORS</i>	PERANCANGAN / <i>ASPIRED</i>	PENCAPAIAN / <i>ACHIEVED</i>
Permulaan dasar atau intervensi / <i>Initiation of new policy or intervention</i>	6	8
Penilaian keberkesanan intervensi / <i>Evaluation of intervention effectiveness</i>	9	10
Siasatan kemalangan / <i>Crash investigations</i>	90	94
Audit keselamatan jalan raya / <i>Road safety audits</i>	30	31
Audit SHE / <i>SHE audit</i>	10	10
Ujian perlanggaran kereta / <i>Car crash test</i>	24	20
Pengumpulan data mangsa kemalangan / <i>Road accident victim data collection</i>	100	105
Penilaian pelaksanaan RSE di sekolah / <i>Assesment of RSE implementation in school</i>	120	127
Klinik perundingan Statistik / <i>Statistic consultation clinic</i>	12	15
Penampilan media / <i>Media appearance</i>	15	17
Artikel yang dihasilkan di dalam media / <i>Article produced in media</i>	15	18
Perkongsian maklumat teknikal / <i>Technical sharing session</i>	30	32
Pengendalian kursus/ bengkel/ seminar / <i>Organisation of course/ workshop/ seminar</i>	6	10
Pengendalian ceramah dan pameran / <i>Organisation of talks and exhibition</i>	48	69

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2015

KEY PERFORMANCE INDICATORS ACHIEVEMENTS 2015

JARINGAN DAN HUBUNGAN / LINKAGES AND NETWORKING

PETUNJUK / INDICATORS	PERANCANGAN / ASPIRED	PENCAPAIAN/ ACHIEVED
Perjanjian persefahaman dengan institusi dalam dan luar negara yang diwujudkan / <i>MOUs established with local and foreign institutions</i>	3	3
Keahlian dalam jawatankuasa antarabangsa / <i>Participation in international committees</i>	5	16
Keahlian dalam jawatankuasa kebangsaan / <i>Participation in national committees</i>	20	34
Lawatan dari delegasi luar negara / <i>Visit received from international guests</i>	5	21
Lawatan dari delegasi dalam negara / <i>Visit received from national guests</i>	10	22

PEMBANGUAN MODAL IHSAN / HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

PETUNJUK / INDICATORS	PERANCANGAN / ASPIRED	PENCAPAIAN/ ACHIEVED
Peratusan kakitangan memenuhi latihan wajib 7 hari / <i>Percentage of staff completing compulsory 7 days training</i>	100%	86%
Bilangan kakitangan menyambung pelajaran / <i>Number of staff further studies</i>	5	5
Bilangan sesi Wacana (perkongsian ilmu dalaman) / <i>Number of Wacana (internal knowledge sharing session)</i>	30	64

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2015

KEY PERFORMANCE INDICATORS ACHIEVEMENTS 2015

SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA / HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

PETUNJUK / INDICATORS	PERANCANGAN / ASPIRED	PENCAPAIAN / ACHIEVED
Rekod peribadi / <i>Personal record</i>	100%	100%
Profail perkhidmatan / <i>Service profile</i>	100%	100%
Cuti / <i>Leave</i>	100%	100%
Pengistiharan harta / <i>Asset declaration</i>	100%	100%
Sasaran kerja tahunan / <i>Annual job target</i>	100%	100%

SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN / FINANCIAL MANAGEMENT SYSTEM

PETUNJUK / INDICATORS	PERANCANGAN / ASPIRED	PENCAPAIAN / ACHIEVED
Sijil Bersih Ketua Audit Negara Bagi Penyata Kewangan 2015 / <i>Auditor General's certification of the Financial Statement 2015</i>	Diperakukan / <i>Certified</i>	Diperakukan / <i>Certified</i>
Pembayaran gaji dan caruman PERKESO mengikut tarikh yang ditetapkan / <i>Payment of salaries and PERKESO contributions in accordance with targeted dates</i>	100%	100%
Bayaran disempurnakan dalam 14 hari bekerja dari tarikh akhir penerimaan / <i>Payment completed within 14 working days from the final date of acceptance</i>	100%	82%
Terimaan - diperakukan dalam tempoh 5 hari / <i>Receivables - acknowledged within 5 days</i>	100%	100%



Intelligent Transport Systems



An aerial, high-angle photograph of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent monorail train on an elevated track and a multi-lane highway below. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden sky. The entire image is overlaid with a semi-transparent orange filter.

LAPORAN AKTIVITI MIROS 2015
MIROS 2015 ACTIVITIES REPORT

An aerial, high-angle view of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent elevated train track with a red and white train. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden sky. The foreground shows a multi-lane highway with several vehicles and lush green trees.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
RESEARCH AND DEVELOPMENTS

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN *RESEARCH AND DEVELOPMENTS*

Latar Belakang

Penyelidikan merupakan salah satu fungsi utama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). MIROS telah ditubuhkan sejak tahun 2007 bagi tujuan menjalankan kajian-kajian berkaitan keselamatan jalan raya berasaskan fungsi dan peranannya mengikut Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 [Akta 748]. Sebagai sebuah institut penyelidikan, MIROS memberi tumpuan kepada pengendalian projek penyelidikan keselamatan jalan raya, penyiasatan keselamatan jalan raya dan ujian perlanggaran di bawah program ASEAN NCAP. MIROS juga bertekad untuk muncul sebagai peneraju dunia dalam penyelidikan keselamatan jalan raya.

Pengenalan

MIROS terdiri daripada tiga pusat penyelidikan utama iaitu Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya & Persekitaran (REER), Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya (RUBC) dan Pusat Penyelidikan Biomekanik & Keselamatan Kenderaan (VSB). Setiap pusat memainkan peranan yang tersendiri dalam menjalankan kajian berkaitan keselamatan jalan raya.

Background

Research is one of the core functions of the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS). Established in 2007, the primary purpose of MIROS is conducting studies related to road safety based on the functions and roles stated in the Malaysian Institute of Road Safety Research Act 2012 [Act 748]. As a research institute, MIROS is focused on overseeing road safety research projects, investigating road safety and conducting crash tests under the ASEAN NCAP programme. MIROS has set its sights on becoming as a world leader in road safety research.

Introduction


MIROS comprises three major research centres, namely the Road Safety Engineering & Environment Research Centre (REER), Road User Behavioral Change Centre (RUBC) and Vehicle Safety Biomechanics Centre (VSB). Each centre plays a unique role in performing various research related to road safety.

Penyelidikan / Projek Yang Dijalankan

Pada tahun 2015, sebanyak 71 projek penyelidikan telah dilaksanakan yang meliputi 60 projek penyelidikan 100% geran daripada MIROS dan tujuh projek penyelidikan kolaborasi dengan pihak luar (sebahagian geran MIROS). Manakala terdapat empat projek luar yang telah dikomisenkan. Sejumlah 55 projek penyelidikan telah berjaya disiapkan, sementara 16 projek lagi akan diteruskan pada tahun 2016. Projek penyelidikan yang dijalankan oleh pegawai penyelidik di MIROS adalah mengikut polisi dan prosedur-prosedur penyelidikan yang telah ditetapkan. Setiap projek penyelidikan yang dijalankan adalah dipantau oleh Unit Pengurusan Penyelidikan dan Pematuhan (RMC).

Research / Projects Undertaken

In 2015, a total of 71 research projects have been carried out comprising 60 research projects with 100% grant from MIROS and seven research projects in collaboration with external parties (partially funded by MIROS). In addition, four external projects have been commissioned to MIROS. A total of 55 research projects have been completed, while another 16 projects will continue to be carried out in 2016. Research projects conducted by MIROS research officers are in accordance with policies and procedures set. Each research project is monitored by the Research Management and Compliance Unit (RMC).





An aerial, high-angle view of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent monorail train on an elevated track. The train is red and white, moving from right to left. Below the monorail is a multi-lane highway with several cars. The background shows a dense urban skyline with various skyscrapers, including the Petronas Twin Towers, under a hazy, golden-brown sky. The overall scene is bathed in a warm, orange-gold light, suggesting either sunrise or sunset. The text 'PENEMUAN PENYELIDIKAN UTAMA' is overlaid in bold black letters, and 'KEY RESEARCH FINDINGS' is overlaid in white italicized letters below it.

PENEMUAN PENYELIDIKAN UTAMA
KEY RESEARCH FINDINGS

Kadar Pemakaian Topi Keledar di Malaysia

Salah satu isu berkaitan dengan penunggang motosikal adalah melibatkan pemakaian topi keledar dengan sempurna. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kadar pemakaian topi keledar di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal, selain faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pemakaian topi keledar. Kaedah pemerhatian secara naturalistik digunakan bagi memerhatikan pemakaian topi keledar di jalan utama dan jalan sekunder di kawasan-kawasan terpilih di Semenanjung Malaysia ketika waktu puncak dan bukan waktu puncak. Pemerhatian pemakaian topi keledar yang dijalankan pada tahun 2015 di jalan raya terpilih di empat wilayah Malaysia mendapati kadar pemakaian adalah sebanyak 89.57%. Manakala pemakaian topi keledar yang sempurna iaitu dengan memakai topi keledar mengikut standard dan diikat dengan kemas adalah sebanyak 72.62% daripada 21,869 penunggang motosikal yang diperhatikan. Kadar pemakaian topi keledar adalah hampir 100% di lebuh raya dan serendah 60.83% di jalan sekunder. Apabila difokuskan kepada pemakaian yang sempurna, kadar pemakaian sempurna di lebuh raya adalah 88.52%, 72.75% di jalan-jalan utama dan hanya 41.93% di jalan sekunder. Kadar pemakaian terbaik direkodkan di Wilayah Tengah manakala kadar paling rendah yang diperhatikan di Wilayah Timur. Isu utama berkaitan dengan pemakaian topi keledar yang tidak sempurna adalah disebabkan oleh penunggang gagal untuk mengikat tali topi keledar mereka dengan kemas.

Helmet Wearing Rate in Malaysia

One of the main issues regarding motorcyclists is the issue of helmet wearing and the proper wearing of the helmet. This study was conducted to investigate the helmet wearing rate among motorcyclists comprising both riders and pillion and other contributing factors in the wearing of helmets. A naturalistic observation method was used to observe helmet wearing on primary and secondary roads in selected urban and rural areas in each state in Malaysia during both peak and non-peak periods. Helmet wearing observation which was conducted in 2015 at selected primary and secondary roads in four main regions in Peninsular Malaysia resulted in wearing rate of 89.57%. Proper helmet wearing which requires standard helmet and proper strapping was worn by 72.62% of 21,869 observed motorcyclists. The wearing rate is almost 100% in highway and as low as 60.83% in secondary road. By zooming into proper wearing, the rate in highway is 88.52%, 72.75% in primary roads and only 41.93% in secondary roads. The best wearing rate is recorded in Central Region while the lowest rate was observed in East Region. The main issue with improper helmet wearing is contributed by motorcyclists failed to properly buckle their helmet strap.

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA *ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE*

Pembangunan Pelantar Bergerak Dua Degree of Freedom (DOF) untuk Simulator Pemanduan

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah memulakan pembangunan simulator pemanduan dua Degree of Freedom (DOF) pada 2015. Simulator ini telah dibangunkan dengan tujuan sebagai alat pengumpulan data bagi kajian tingkah laku pemanduan. Simulator dengan pelantar dua darjah kebebasan pergerakan ini telah dibangunkan bagi menghasilkan pemanduan yang lebih realistik berbanding simulator yang lama (simulator tanpa gerakan). Simulator ini mempunyai dua paksi pergerakan iaitu secara roll dan pitch. Simulator ini juga diintegrasikan dengan pelantar bergerak, roda stereng, kawalan pedal dan transmisi, paparan skrin, perisian simulasi dan sistem bunyi untuk merekod tingkah laku pemanduan. Maklumat mengenai tindak balas masa peserta kajian, laju kenderaan, pecutan, brek, penggunaan lampu signal dan posisi kenderaan boleh dikumpul untuk analisa.

Kesan Kurikulum Pendidikan Pemandu Baharu terhadap Kemahiran Persepsi Bahaya Pemandu Baharu

Kajian ini bertujuan untuk mengukur impak Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) baharu yang digunakan untuk melatih kemahiran pemanduan dan penunggangan tahap tinggi di kalangan pemandu kereta dan penunggang motosikal baharu di Malaysia. Seramai 126 orang pemandu kereta dan penunggang motosikal baharu masing-masing dari kumpulan modul KPP yang lama dan baharu menyertai kajian ini. Para peserta harus melalui Ujian Hazard Perception (HPT) berasaskan komputer untuk mengukur tempoh tindakbalas yang diambil untuk mengenalpasti bahaya (Hazard Detection). Keputusan kajian menunjukkan bahawa purata kadar

Project: Development of Two Degree of Freedom (DOF) Motion Platform for Driving Simulator

Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) has embarked on the development of two Degree of Freedom (DOF) driving simulator in 2015. The simulator was developed as a data collection tool for driving behavior research. Two DOF motion platform simulator was developed in this project to produce more realistic driving feeling as compared to older version (non-motion simulator). It consists of two axis movement, which are roll and pitch. The simulator was integrated with motion platform, steering wheel, pedals and transmission controls, screen, computer, simulation software and sound system to record the driving behaviors in simulated traffic environment. Data containing information such as participants' response time, vehicle speed, acceleration, breaking, turn signals use and vehicle positioning can be collected.

Effects of New Driver Training Curriculum (KPP) on Novice Drivers' Hazard Perception Skills

This study aimed to measure the impact of the new Driver Education Curriculum (Kurikulum Pendidikan Pemandu - KPP) in training higher level of driving and riding skills among Malaysian novice drivers and riders. 126 novice drivers and riders from both old and new KPP group participated in this study. Participants were subjected to a computer based Hazard Perception Test (HPT) to measure their response time for hazard detection. The results showed that the average rates of change in Hazard Perception Response Time (HPRT) performance index over experience on the road and exposure on the road were significantly higher among the new KPP group as compared to the old KPP group. On

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE

perubahan dalam indeks masa tindak balas persepsi bahaya (Hazard Perception Response Time) yang diukur berdasarkan pengalaman dan pendedahan pemanduan di jalan raya adalah lebih tinggi di kalangan kumpulan KPP baru berbanding kumpulan KPP lama. Dalam pada itu juga, didapati penunggang motosikal daripada kumpulan kedua-dua KPP baharu dan lama ternyata jauh lebih perlahan dalam mengesan bahaya berbanding kumpulan pemandu kereta. Ini menunjukkan jurang dalam kadar peningkatan kemahiran pemanduan di antara penunggang motosikal dan pemandu kereta dan berkemungkinan terdapatnya perbezaan dari segi keperluan sumber dan tempoh masa untuk mencapai tahap kemahiran yang setara di kalangan penunggang motosikal dan pemandu kereta. Secara umumnya, hasil kajian ini menunjukkan terdapatnya kesan positif hasil daripada pendedahan terhadap KPP baharu dari segi peningkatan keseluruhan kemahiran mengenalpasti tanggapan bahaya dengan betul di kalangan penunggang dan pemandu baharu. Kadar pembelajaran dan penambahbaikan dalam meningkatkan kemahiran persepsi bahaya adalah lebih pantas di kumpulan KPP baharu berbanding dengan peserta kumpulan KPP lama. Bagaimanapun, terdapat faktor-faktor pembauran yang diketahui dan tidak diketahui yang perlu dipertimbangkan untuk menambahbaik kesan KPP baharu.

another note, finding demonstrated that riders from both new and old KPP group were significantly slower in detecting hazards as compared to drivers. This could indicate the different degree of skill improvement and possibly the different amount of resources and time needed to achieve a similar skills level in hazard perception between two vehicle modes. Generally, the findings of this research indicate that there were positive effects of the exposure to the new KPP on the overall improvement of hazard perception skills among novice drivers. The rate of learning and improving in hazard perception skills was quicker among the new KPP group as compared to the old KPP group. However there are known and unknown confounding factors that need to be considered to better improve the effects of the new KPP



Proses pengumpulan data bagi projek KPP
Data collection process for KPP project

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE

Pembangunan Penilaian Prestasi Pemandu dan Penunggang Menggunakan Simulator Pemanduan dan Kenderaan Berinstrumentasi: Kejohanan Sampai Dengan Selamat (SDS) 2015.

Penilaian prestasi pemandu dan penunggang dilihat sebagai titik permulaan kepada pendidikan keselamatan sepanjang hayat, menyediakan ruang kepada pemandu dan penunggang kurier untuk menilai kemahiran dan sikap yang sesuai dalam persekitaran trafik yang mencabar. Objektif projek ini adalah untuk membangunkan modul penilaian prestasi pemandu dan penunggang kurier dan menjalankan penilaian prestasi terhadap pemandu dan penunggang syarikat kurier. Pada pertengahan bulan Julai 2015, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah melantik MIROS untuk menyediakan penilaian modul untuk #Kejohanan Sampai dengan Selamat 2015#. Tujuan acara ini adalah untuk memupuk tabiat rutin harian yang betul di kalangan pekerja kurier untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, pada masa yang sama menghargai dan meraikan pekerja industri kurier di Malaysia. Terdapat dua kategori dalam kejohanan iaitu pemandu van dan penunggang motosikal yang mewakili 11 syarikat-syarikat kurier (ABX Express, City-Link Express, Fedex, Gdex, Nationwide Express, Pos Laju, Pos Malaysia, SF Global Express, Skynet Worldwide, TNT Express & Yamato Transport) di Malaysia. Kejohanan ini dibahagikan kepada dua peringkat: pusingan kelayakan (24 Ogos 2015-3 September 2015) dan pusingan akhir (12 September 2015). Pada peringkat kelayakan di MIROS, empat komponen penilaian yang memberi tumpuan kepada tabiat keselamatan dan kecekapan kognitif yang merangkumi pengetahuan peraturan asas dan peraturan di jalan raya, ujian persepsi terhadap bahaya, ujian penilaian gangguan

Development of Drivers and Riders Performance Evaluation using Driving Simulator and Instrumented Vehicles: Kejohanan Sampai Dengan Selamat (SDS) 2015

The performance evaluation of driver and rider is seen as the starting point to a lifelong safety education, providing both the courier drivers and riders the avenue to assess their skills and attitudes to survive in the demanding traffic environment. The objectives of this project are to develop courier driver and rider performance evaluation module and to conduct performance evaluation among courier drivers and riders. In mid-July 2015, the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has appointed MIROS to provide assessment module for #Kejohanan Sampai Dengan Selamat 2015#. The event aimed to inculcate the right habit in couriers' employee daily routine to increase the safety level, at the same time to appreciate and celebrate employees of courier industry in Malaysia. There were two categories in the championship which are van drivers and motorcycle riders from 11 courier companies (ABX Express, City-Link Express, FEDEX, Gdex, Nationwide Express, Pos Laju, Pos Malaysia, SF Global Express, Skynet Worldwide, TNT Express & Yamato Transport) in Malaysia. The championship is divided into two stages: qualifying (24 August 2015-3 September 2015) and final stage (12 September 2015). In the qualifying stage at MIROS, four evaluation components focusing on safety habit and cognitive competency that includes knowledge of basic rules and regulation on the road, hazard perception test, distraction assessment test and naturalistic driving have been prepared. After final evaluation, POS Malaysia was crowned as overall champion. MIROS organised a post-event on 16 November 2015 as a medium for us to further explain the results, motivation and mechanism of

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE



Peserta #Kejohanan Sampai Dengan Selamat 2015# dipusingan kelayakan di MIROS
Participant of #Kejohanan Sampai Dengan Selamat 2015# for qualification round at MIROS

semasa pemanduan dan pemanduan secara naturalistik telah disediakan. Selepas penilaian akhir, POS Malaysia dinobatkan sebagai juara keseluruhan. MIROS telah menganjurkan pasca kejohanan pada 16 November 2015 sebagai medium untuk menjelaskan secara terperinci keputusan kejohanan, motivasi dan mekanisme di sebalik kejohanan ini berlangsung. Oleh itu, pembabit MIROS bukan hanya menyokong SKMM dalam memupuk inisiatif keselamatan jalan raya dalam industri, tetapi juga membawa mesej keselamatan kepada pekerja industri kurier. Dengan pendedahan yang diberikan, keselamatan mereka di jalan raya diyakini akan mempengaruhi pengguna jalan raya yang lain dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia.

the championship. Therefore, MIROS involvement was not just supporting MCMC in instilling safety initiatives in the industry, but also bring safety messages directly to some of the front line couriers' employee. With such high magnitude and exposure, their safety on the road would confidently influence other road users in increasing the road safety level in Malaysia.

Tingkah Laku Pengguna Motorsikal Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Berdasarkan Teori Motivasi Perlindungan

Walaupun risiko yang tinggi digambarkan melalui kemalangan jalan raya tahunan, motosikal kekal menjadi pengangkutan popular di Malaysia disebabkan oleh faktor ekonomi dan kemudahan penggunaannya. Umur pelajar sekolah menengah di Malaysia adalah di antara 13 (Tingkatan 1) hingga 18 (Tingkatan 6), dan dengan itu secara teknikal pelajar yang mematuhi umur yang sah untuk menunggang motosikal ke sekolah mestilah sekurang-kurangnya Tingkatan 4 pada usia 16. Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkah laku pengguna motorsikal di kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan Teori Motivasi Perlindungan (PMT). PMT adalah salah satu daripada beberapa teori-teori yang berkaitan dengan kesihatan yang biasa digunakan untuk menangani ketakutan dan ancaman untuk meramalkan perubahan tingkah laku. Ia dipilih untuk membantu dalam menerangkan proses membuat keputusan yang rasional dan tidak rasional di kalangan kumpulan sasaran. Kajian kuantitatif ini mengaplikasikan soal selidik pengakuan sendiri untuk tujuan pengumpulan data. Daripada sejumlah 412 responden, analisa menunjukkan bahawa pelajar cenderung untuk bersetuju bahawa menunggang motosikal adalah lebih berisiko berbanding dengan mod pengangkutan lain. Walau bagaimanapun, mereka tidak bersedia untuk berubah ke mod pengangkutan yang lebih selamat disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengaruh rakan sebaya, membuat keputusan berasaskan keluarga dan yang paling penting faktor kemudahan dan keselesaan motosikal. Atas sebab itu, adalah penting untuk mendidik masyarakat dalam membuat keputusan terbaik untuk perjalanan ke sekolah, bukan sahaja di kalangan pelajar tetapi juga ibu bapa sendiri. Pengurusan sekolah,

Motorcyclists' Behavior Among Secondary School Students: Based on Protection Motivation Theory

Despite the high risks as reflected from the annual road traffic casualties, motorcycles remain as a popular mode of transport in Malaysia due to its economical and ease-of-use factors. The age of the secondary school students in Malaysia ranges from 13 (Form 1) to 18 (Form 6), and thus technically the students who conform to the legal age to ride motorcycle to school must be at least from Form 4, at the age of 16. The general objective of this study is to identify the behavior towards motorcycle usage among secondary school students based on the Protection Motivation Theory (PMT). PMT is one of the few health related theories that are commonly used to address fear and threat appeal to predict behaviour change. It is chosen in order to help in explaining the rational and irrational decision making processes among the target samples. This quantitative study has applied self-administered questionnaire for the data collection. From a total of 412 respondents, the analysis revealed that the students tend to agree that riding a motorcycle is riskier compared to other mode of transportations. Nevertheless, they are not willing to change to the safer mode of transport due to factors such as peer influence, family-based decision making and most importantly the convenience factors that motorcycle has to offer. For that reason, it is important to educate the society on the best school travelling decision making, not only among the students but also their parents. School managements, authorities and the government as a whole could also play their parts by providing a safer environment for the students such as the pedestrian facilities, bicycle routes and shelter, and facilities for school bus services.

pihak berkuasa dan kerajaan secara keseluruhannya juga perlu memainkan peranan penting bagi menyediakan persekitaran yang lebih selamat untuk para pelajar seperti kemudahan laluan pejalan kaki, lorong basikal dan kemudahan bagi perkhidmatan bas sekolah.

Keberkesanan Pemakaian ‘High Visibility Vest’ di Kalangan Penunggang Motorsikal bagi Meningkatkan Kebolehnampakan Terhadap Pengguna Jalan Raya

Penunggang motosikal dikenalpasti sebagai golongan yang paling berisiko tinggi terlibat dalam kemalangan jalan raya di Malaysia setiap tahun. Ketidak-bolehnampakan penunggang motosikal di atas jalan raya boleh meningkatkan risiko kemalangan. Kajian ini dijalankan secara semi-kuantitatif dan rakaman video untuk mengenalpasti keberkesanan pemakaian HVV daripada perspektif pengguna jalan. Sebanyak 611 responden telah menyertai kajian ini dan hasil menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap jantina dan sektor pekerjaan terhadap pemakaian HVV. Kajian juga menunjukkan bahawa sebanyak 57.6% responden dapat mengenalpasti jumlah penunggang motosikal yang memakai HVV pada waktu siang, berbanding 58.2% pada waktu malam. Sebanyak 59 pengguna jalan (selain penunggang) melaporkan bahawa cuma 10.2% penunggang motosikal memakai HVV semasa kemalangan berlaku. Peratusan ini hampir sama dengan kenyataan yang dilaporkan oleh 92 penunggang motosikal bahawa cuma 10.9% daripada mereka memakai HVV semasa kemalangan berlaku.

Effectiveness of Wearing High Visibility Vest Among Motorcyclist to Enhance Their Conspicuity to Road Users

Motorcyclists have been known to register the highest road fatality rate amongst all road users in Malaysia each year. It is believed that low conspicuity of motorcyclists to other road users may increase the risk of motorcycle related accidents. The research is conducted using semi-quantitative and video recording approaches to measure the effectiveness of High Visibility Vest (HVV) donned by motorcyclists in enhancing their conspicuity whilst on the road. In total, six hundred and eleven (611) respondents participated in this study and result showed significant difference in terms of gender and occupation with regards to the practice of donning HVV. In addition, the percentage of respondents who correctly identify the number of motorcyclists who wore HVV is 57.6% during daytime, whereas the number of motorcyclists who wore HVV during night time is 58.2%. In total, 59 non-motorcyclists reported that only 10.2% of the motorcyclists wore HVV during the occurrence of accidents. This figure is almost similar to the figure reported by motorcyclists whereby only 10.9% of them wore HVV during the occurrence of accidents.

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE

Penggunaan Telefon Bimbit Semasa Memandu Sebagai Faktor Menyumbang Kepada Kemalangan Jalan Raya di Kalangan Pemandu di Lembah Klang: Kajian 'Self-Reported'

Penggunaan telefon bimbit semasa memandu menjadi satu isu global yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya. Kaji selidik ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang persepsi, tingkahlaku semasa memandu dan pengalaman terlibat dalam kemalangan jalan raya berpunca dari penggunaan telefon bimbit di kalangan pemandu. Sebanyak 627 responden yang terlibat dalam kajian ini dan keputusan menunjukkan bahawa kebanyakan pemandu menggunakan telefon bimbit 1-3 kali dalam seminggu semasa memandu. Selain itu, kajian juga mendapati pemandu bersetuju bahawa perbuatan ini boleh mempengaruhi pemanduan mereka dan sedar bahawa penggunaan telefon bimbit semasa memandu boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada diri sendiri dan orang lain tetapi mereka masih menggunakannya semasa memandu. Ini dapat dijelaskan melalui konsep "Self-optimism bias" yang menyatakan bahawa seseorang individu yang mempunyai kepercayaan yang kuat dengan keupayaan mereka sendiri adalah melebihi kapasiti keupayaan mereka yang sebenar.

Using Mobile Phone while Driving as a Factor Contributing to Road Crashes among Motorist in Klang Valley: A Self-Reported Study

The use of mobile phone while driving has become one of the global issue which could contribute towards road crashes. This study was conducted to obtain data on drivers' perception and behaviour while driving and their experience of being involved in road crashes due to the use of mobile phone while driving. In total, 627 respondents were participated in this study and result found that most of the drivers use mobile phones 1-3 times within one week. Besides that, the findings also showed that the drivers agreed the action of using mobile phones while driving can affect their driving behaviour and they also realised that mobile phone use while driving can harm themselves and other people but they still using it while driving. This can be explained through the concept of "Self-optimism bias" which states that a person with a belief in their own ability to exceed the actual capacity

Kajiselidik penggunaan telefon bimbit sedang dijalankan kepada responden
Survey on phone usage was performed to the respondent at field



Kesalahan Trafik sebagai Faktor Menyumbang kepada Kemalangan Jalan Raya di Kalangan Penunggang Motosikal di Lembah Klang

Kajian ini menggunakan soalan kaji selidik yang diadaptasi daripada Kaji Selidik Tingkah Laku Penunggang Motosikal sebagai kaedah untuk mengkaji kesalahan trafik di kalangan penunggang motosikal muda. Dalam kajian ini, kesalahan trafik merangkumi tiga konstruk iaitu pelanggaran keselamatan, kesilapan trafik dan melebihi had laju. Kaji selidik tersebut dijalankan secara atas talian menggunakan Google Forms dan dibuka kepada mereka yang mengetahui pautan tersebut. Kaedah *purposive sampling* digunakan bersama kaedah *snowballing* bagi mendapat responden di kalangan umur 16-25 tahun di sekitar Lembah Klang yang menunggang motosikal secara kerap. Sebanyak 133 responden menyertai kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 52.6% daripada penunggang golongan muda melaporkan bahawa mereka kerap melintas simpang walaupun isyarat lampu sedang merah. Analisa regresi logistik untuk mengkaji faktor penyumbang kepada kemalangan jalan raya di kalangan penunggang motosikal muda mendapati bahawa terdapat dua faktor signifikan penglibatan dalam kemalangan jalan raya, iaitu Kesilapan Trafik dan juga interaksi antara Pelanggaran Keselamatan dan Melebihi Had Laju.

Road Violations as Contributing Factors in Road Crashes Among Young Motorcyclists in Klang Valley

This study uses an adapted version of the Motorcycle Riding Behaviour Questionnaire (MRBQ) as the instrument to explore road violations among young motorcyclists. For this study, road violations comprised of three constructs which are safety violations, traffic errors and speeding. The instrument was uploaded online using Google Forms and made accessible to anyone with the link. Purposive sampling was used along with the snowballing method to obtain participants within the 16 – 25 year old age group who frequently ride motorcycles in Klang Valley. A total of 133 respondents participated in this online study. The results of this study found that 52.6% of the young motorcyclists reported that they frequently cross a junction while the traffic light is red. Logistic regression was used to explore the contribution of road violations towards the likelihood of crash among young motorcyclists, and the results found two significant predictors of crash involvement, which are Traffic Errors and also the interaction of Safety Violations and Speeding.

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE

Kajian Tingkahlaku Pemanduan Di Kalangan Mangsa Dan Bukan Mangsa Kemalangan Jalan Raya Di Kajang

Kajian penerokaan tingkah laku pemanduan di kalangan mangsa dan bukan mangsa kemalangan jalan raya di sekitar Lembah Klang ini menggunakan instrumen kajian yang telah diadaptasi daripada Kaji Selidik Tingkah Laku Pemandu Manchester. Kaji Selidik Tingkah Laku Pemandu Manchester yang asal terdiri daripada 27 soalan berkenaan Pelanggaran Biasa (Ordinary Violations), Pelanggaran Agresif (Aggressive Violations), Lapses, Kesilapan (Errors) dan Gangguan (Distraction) manakala 14 soalan telah ditambah beserta maklumat berkenaan demografi responden dan pengalaman penglibatan responden dalam kemalangan jalan raya. Kriteria pemilihan responden adalah responden samada pernah terlibat dalam kemalangan raya dari tahun 2012-2014 atau tidak pernah terlibat langsung dalam kemalangan jalan raya. Sebanyak 404 responden telah menyertai kajian ini yang dijalankan di beberapa pusat membeli belah dan pejabat di sekitar daerah Kajang. Hasil kajian mendapati tiada hubungan signifikan di kalangan faktor-faktor demografik seperti jantina, penerimaan saman, pendapatan, tahap pendidikan, etnik, taraf perkahwinan dan umur dalam penglibatan kemalangan jalan raya. Perbandingan terhadap tingkah laku pemanduan antara mangsa dan bukan mangsa kemalangan jalan raya mendapati bahawa tingkah laku pemanduan di kalangan pemandu yang pernah terlibat dalam kemalangan berbeza secara signifikan dengan tingkah laku pemanduan di kalangan pemandu yang tidak pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya dalam semua tingkah laku dan juga dalam konstruk Pelanggaran Biasa (Ordinary Violations), Lapses, Kesilapan (Errors) dan Gangguan (Distraction).

Study of Driving Behaviour among Accident Victims and Non-accident Victims in Kajang

This exploratory study on driving behaviour among accident victims and non-accident victims in Kajang using an adapted version of the Manchester Driver Behaviour Questionnaire (DBQ) as the tool of survey. The original DBQ comprises 27 questions on Ordinary Violations, Aggressive Violations, Lapses and Errors and 14 additional items were combined with the original items, including information regarding the respondents' demographic details and crash involvement. The selection criteria were that the respondents have either been involved in a road crash from 2012-2014 or have never been involved in a road crash at all. A total of 404 respondents participated in this study which was conducted at shopping malls and various government agencies in Kajang. The results found no significant association among the demographic factors such as gender, income, education, ethnic, marital and age with accident involvement. In terms of driving behaviour comparison, the behaviour among drivers involved in accidents is significantly different compared to those never involved in accidents in all the scores and the constructs 'ordinary violation', 'lapses', 'error' and 'distraction' except for the construct 'aggressive violation'.

Sikap Pemandu Bas Ekspres Terhadap Keselamatan Trafik dan Tingkah Laku Pemanduan Tidak Sesuai

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sikap pemandu bas ekspres terhadap keselamatan trafik dan tingkah laku pemanduan semasa di jalan raya. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif, seramai 184 pemandu bas ekspres telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r = .240$, $p = .0001$) di antara tingkah laku pemanduan dan sikap terhadap keselamatan trafik di kalangan pemandu bas ekspres. Walau bagaimanapun, magnitudnya adalah rendah kerana mungkin terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada hubungan ini masih belum dikaji. Pengalaman disaman telah menunjukkan perbezaan yang signifikan di mana sikap terhadap keselamatan trafik ($p = 0.021$) dan tingkah laku pemanduan ($p = 0.001$) adalah lebih positif berbanding mereka yang tidak pernah disaman. Tambahan pula, tingkah laku pemanduan pemandu bas ekspres ($p = 0.039$) adalah lebih berhemah bagi mereka yang pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya jika dibandingkan dengan mereka yang tidak pernah terlibat dalam kemalangan. Kajian ini menyimpulkan bahawa keperluan khusus dalam pengubahsuaian tingkah laku melalui program intervensi khusus kepada pemandu bas ekspres adalah penting dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan maut.

Express Bus Drivers Attitude towards Traffic Safety and Inappropriate Driving Behaviour

This study aims to identify the bus driver attitudes toward traffic safety and driving behaviour while on the road. Using quantitative methods, a total of 184 bus drivers were involved in this study. The results showed that there were significant correlations ($r = .240$, $p = .0001$) between driving behaviour and attitudes towards traffic safety among bus drivers. However, the magnitude was low as other factors that have not included might have a contribution to the relationship. Experience of being summoned has shown significant differences in the attitudes towards traffic safety ($p = 0.021$) and driving behaviour ($p = 0.001$) which the results were more positive than those who have never been summoned. Furthermore, driving behaviour among express bus drivers ($p = 0.039$) was more prudent for those who have been involved in road accidents than those who were never involved. This study concludes that special needs of behaviour modification through intervention programme dedicated to express bus drivers was important in order to reduce road fatalities.

Pendedahan dan Persepsi Mengenai Gangguan Berkenaan Pengiklanan Digital di Tepi Jalan Raya

Pemahaman mengenai pendedahan dan persepsi pemandu terhadap pengiklanan digital di jalan raya adalah amat penting. Kajian ini menggunakan kaedah kaji selidik dengan borang merangkumi maklumat demografi, pendedahan kepada pengiklanan di jalan raya dan persepsi terhadapnya. Sebanyak 34 responden menyertai kajian ini. Hasil kajian mendapati persepsi yang bercampur baur terhadap skrin panel digital. Cahaya yang terang dari skrin didapati sangat mengganggu terutama pada waktu malam dan pihak berkuasa perlu menyesuaikan dengan keadaan sekeliling. Kandungan iklan sukar dibaca terutama jika memandu laju. Meletakkan panel skrin di tepi jalan juga menyumbang kepada gangguan. Isi kandungan iklan digital adalah lebih menarik perhatian berbanding iklan konvensional. Tarikan video dan animasi dengan efek khas pada iklan digital juga mendapat pandangan negatif daripada pemandu. Skrin digital perlu mengelak menggunakan warna yang sama dengan lampu isyarat bagi mengelakkan pemandu keliru semasa mendekati simpang berlampu isyarat. Pengiklanan digital adalah bermanfaat terhadap industri pengiklanan namun mengganggu pemandu dan perlu dibuat dengan cermat bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

Exposure and Perception on Distraction Towards Roadside Digital

It is important to understand the exposure and the perception of the drivers towards the roadside digital advertising. The study used survey questionnaire including sections consist of demography, exposure to roadside digital advertising and perception towards it. A total of thirty-four respondents took part in the study. The perception of the drivers towards the digital screen panels are found to be mixed. The brightness of the panels is found to be distractingly bright especially at the night, and the relevant authorities must regulate it in order to make it more adaptable to the surrounding. The content was difficult to read from a distance especially at high travelling speed. The visual clutter of digital screen panels seems to be obvious and poses a risk of being distracted, especially at night. The placement of digital screen panels along the roadside also contribute to the distraction of the drivers. The digital content seems to be more 'tempting' than the conventional advertising content. The charm of the videos and animation with special effects in digital advertisements received negative safety impression. Digital screen panels near the signalized intersection should not display colours similar to that of traffic light signals. This could confuse the drivers approaching the intersection. Digital advertising is the way forward in the advertising industry but could be distractive for road users. Implementation of roadside digital advertising should be carried out with caution to ensure the safety of the road users.

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE

Risiko Lori Terhadap Penunggang Motosikal: Perspektif Titik Buta

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menentukan prevalens isu titik buta (contohnya kebolehlihatan) di kalangan pemandu lori kecil dan berbadan tegar. Kajian ini mendapati pemandu lori kurang sedar akan kewujudan kawasan titik buta dalam cermin sisi lori semasa mereka memandu. Oleh yang demikian, semua penunggang motosikal perlu dimaklumkan tentang ketidakupayaan pemandu lori untuk mengesan kehadiran penunggang motorsikal sekiranya berhenti bersebelahan lori tersebut dan tidak kelihatan di dalam cermin sisi tersebut. Penunggang motosikal juga hendaklah dididik agar kehadiran mereka di bahagian tepi lori disedari oleh pemandu lori tersebut supaya kejadian yang tidak diingini dapat dielakkan. Melalui pemerhatian, cermin titik buta tambahan perlu dipasang pada cermin sisi lori untuk meningkatkan medan penglihatan. Maka, jarak penglihatan pandangan di sebelah lori dinaikkan. Kajian juga mencadangkan satu kajian perbandingan harus dikendalikan antara pemandu bas dan pemandu kereta untuk mengenalpasti isu-isu titik buta antara kenderaan-kenderaan lain yang mana dapat menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam mengurangkan kemalangan jalan raya.

Risk of Motorcyclist by Turning Lorries: Blind Spot Perspective

This research was aimed to determine the prevalence of blind spot issue (such as visibility) among rigid and small lorry drivers. The study found that lorry drivers were not aware of the blind spot region in their side mirrors while driving. As such, motorcyclists need to be informed about the inability of the lorry drivers to detect their presence if they appear invisible in the blind spot region of side mirror of the lorry. The motorcyclists need to be educated too to make their presence visible to the lorry drivers to prevent any mishaps. Through observations, additional blind spot mirrors need to be installed on side mirrors of lorries to increase the field of view. Thus, the visibility of the view at the side of the lorry is increased. The study also suggested that a comparison study should be conducted among bus drivers and car drivers to determine the severity of blind spot issues among different vehicles which indirectly might contribute to decreased road accidents.



Lori dan kenderaan lain di jalan raya
Lorries and other vehicles on the road

Kajiselidik Sistem Penahan Kanak-Kanak (Child Restraint System, CRS) di Selangor

Keselamatan pengguna jalan raya adalah antara isu utama dalam masyarakat Malaysia disebabkan oleh kadar kemalangan yang semakin meningkat. Kanak-kanak dikategorikan sebagai pengguna yang mudah terdedah kepada bahaya terutamanya semasa pelanggaran kerana tubuh badan mereka yang masih belum membesar dengan sempurna jika dibandingkan dengan manusia dewasa. Sistem penahan kanak-kanak (CRS) telah dikenalpasti sebagai salah satu intervensi untuk mengurangkan kematian dan kecederaan parah di kalangan kanak-kanak semasa kemalangan. Walau bagaimanapun penggunaan CRS di negara ini masih rendah dan tidak memuaskan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti halangan dalam penggunaan CRS di kalangan ibubapa di Selangor. Kajian ini merupakan kaji selidik kuantitatif dan data diperolehi daripada soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden sedar tentang kepentingan CRS namun masih tidak mempunyai CRS di dalam kenderaan mereka. Kebanyakan responden perlu membeli CRS dan faktor utama yang perlu dipertimbangkan semasa pembelian adalah ciri keselamatan. Maklumat mengenai CRS kebanyakannya didapati melalui internet. Kanak-kanak biasanya tidak dipakaikan CRS bagi perjalanan jarak dekat. Faktor yang menyumbang kepada tidak menggunakan CRS adalah harga yang mahal, ketiadaan penguatkuasaan dan maklumat yang terhad terutamanya tentang pemilihan CRS yang berkualiti. Separuh daripada jumlah responden melaporkan mereka akan menggunakan CRS jika harga dikurangkan. Majoriti responden bersetuju kanak-kanak pada semua peringkat umur boleh duduk di tempat duduk penumpang jika dipakaikan tali

Survey on Child Restraint System in Selangor

Safety among road users is one of the main concerns in Malaysian society as the accident rates is rapidly increasing. Children are categorized as vulnerable road users because of their body parts are not fully growth strongly, thus made them extremely fragile to any contact especially during a collision as compare to adults. Child restraint system (CRS) has been identified as one of the intervention to reduce deaths and serious injuries among children during crashes. However, the usage of CRS in the country is still very low and not encouraging. Therefore, the objective of this study is to investigate the barriers of child restraint use among parents in Selangor. This is a quantitative survey study and the data obtained via self-administered questionnaire. The findings revealed that majority of the respondents are aware of the importance to restraint their children while travelling and yet they do not have a CRS in their vehicles. Most of the respondents that need to buy a new CRS reported the main factor to consider in purchasing a CRS is the safety features of it. Information about CRS was mainly retrieved via internet. Children were always not being restrained during a short journey. Factors contributed to non-use of CRS are pricey, no enforcement and lack of information especially on how to choose a quality CRS. Half of the total respondents reported that they will use CRS if the price of it is being reduced. Majority of the respondents agreed that children of any age can sit in the passenger seat as long as the children are being belted. Besides that, most of the respondents also will not restraint their child because of their child's unwillingness. Based on the findings, it is recommended that the CRS legislation and law enforcement shall be implemented by the government to increase the use of CRS. On the other hand, the government can supplement the CRS

PUSAT PENYELIDIKAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU PENGGUNA JALAN RAYA ROAD USER BEHAVIOURAL CHANGE RESEARCH CENTRE

pinggang. Kebanyakan responden juga tidak akan menggunakan CRS jika tidak disukai oleh anak mereka. Berdasarkan penemuan kajian, adalah disyorkan supaya peraturan dan undang-undang berkenaan CRS diwujudkan oleh kerajaan bagi meningkatkan penggunaan CRS. Di samping itu, kerajaan boleh menjalankan usaha mendidik dan mengadakan kempen kesedaran bagi meluaskan pengetahuan orang ramai tentang kepentingan CRS

legislation with education and awareness campaign as to widen public knowledge on the importance to restraint children and the proper use of CRS while travelling.



Penyelidik sedang menjalankan kajiselidik di lapangan
Researcher conducting survey at field

Model Kecelakaan Pejalan Kaki

Kemalangan jalan raya yang melibatkan pejalan kaki lebih cenderung mengakibatkan kematian. Oleh kerana mengurangkan kadar kematian merupakan sasaran keselamatan jalan raya kebangsaan, maka usaha perlu diambil bagi mengenal pasti faktor-faktor penyumbang melalui analisa data kemalangan sedia ada. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang berkaitan dengan kecederaan maut bagi pejalan kaki dengan menggunakan data kemalangan dari tahun 2009-2013. Model kecederaan pejalan kaki telah dibangunkan dengan menggunakan kaedah 'logistic regression' bagi mengenal pasti faktor-faktor kemalangan yang menyebabkan kematian bagi pejalan kaki. Dapatan dari kajian ini menunjukkan terdapat empat faktor yang menyumbang kepada kematian yang melibatkan pejalan kaki iaitu umur pejalan kaki, kemalangan yang melibatkan kecederaan di bahagian kepala atau leher, kemalangan yang melibatkan kenderaan berat dan kemalangan yang berlaku di persimpangan. Kecenderungan berlakunya kemalangan maut yang melibatkan pejalan kaki boleh meningkat sebanyak 8.7 kali apabila mangsa mengalami kecederaan kepala dan leher berbanding bahagian badan yang lain, dan boleh meningkat sebanyak 5.6 kali apabila dilanggar oleh kenderaan berat berbanding dengan kenderaan-kenderaan lain. Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa aliran trafik kenderaan berat yang memasuki kawasan yang mempunyai kadar pejalan kaki yang tinggi perlu dikawal dan dikurangkan. Larangan trafik bagi treler dan lori serta pengasingan bus di kawasan bandar adalah dicadangkan. Fasiliti yang bersesuaian bagi pergerakan pejalan kaki juga dicadangkan. Strategi-strategi ini dapat memberikan manfaat dalam mengurangkan kematian pejalan kaki, terutamanya di persimpangan.

Pedestrian Injury Model

Accident involving pedestrian may easily result in fatal injury due to their vulnerability. Since reducing fatality in road accident become the national road safety target, effort should be taken to identify the contributing factors contributed to fatality through analysis of existing accident data. Thus, this study aims to investigate the factors associated with pedestrian fatality injuries. Utilising pedestrian accident data from year 2009-2013, the pedestrian injury model was developed using logistic regression to identify the factors associated with accident resulting fatalities to pedestrian. Final model explained four factors including the age of pedestrian, head or neck injury, involvement of heavy vehicle and accident occurred at junction were significant as contributing factors that led to the fatality in a pedestrian accident. The likelihood of being fatal in pedestrian accident may increase 8.7 times when the victim was experiencing head or neck injury compared to other part of the body, and may increase 5.6 times when being hit by heavy vehicle compared to other types of vehicles. The findings of this study suggest that the heavy vehicle traffic flow entering area with high pedestrian volume should be controlled and reduced. Traffic ban for trailer and lorries, adding with segregation of bus in urban areas can be proposed. Proper facility for pedestrian movement is also recommended. These strategies seem to be beneficial in reducing fatality in a pedestrian accident, particularly at junctions.

Impak Masa Menunggu di Persimpangan Berlampu Isyarat

Setiap tahun, sebilangan besar pejalan kaki terbunuh akibat kemalangan jalan raya. Data kemalangan yang melibatkan pejalan kaki menunjukkan bahawa kebanyakan kemalangan berlaku semasa pejalan kaki melintas. Walaupun kemudahan pejalan kaki disediakan, kemalangan yang melibatkan pejalan kaki masih berlaku. Tingkah laku pejalan kaki semasa melintas jalan adalah bergantung kepada pelbagai faktor yang berkaitan keselamatan mereka.

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai kesan masa menunggu terhadap pejalan kaki di persimpangan berlampu isyarat. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku pejalan kaki ketika melintas di persimpangan berlampu isyarat. Di samping itu, kajian ini akan melihat bagaimana faktor ini akan memberi kesan kepada pematuhan pejalan kaki terhadap isyarat pejalan kaki.

Pemerhatian dijalankan melalui rakaman video untuk merekodkan masa menunggu pejalan kaki dan tingkah laku pejalan kaki semasa melintasi persimpangan. Sepuluh (10) persimpangan berlampu isyarat yang terletak di kawasan Lembah Klang telah dipilih. Pengumpulan data bagi setiap persimpangan berlampu isyarat diperolehi melalui rakaman kamera video digital pada hari bekerja semasa waktu puncak dan di luar waktu puncak. Seramai 5,286 pejalan kaki direkodkan. Antara data yang direkodkan melalui pemerhatian adalah jantung pejalan kaki, corak lintasan pejalan kaki, umur, masa menunggu pejalan kaki sebelum menyeberangi persimpangan, jumlah pejalan kaki dan beberapa data lain. Dengan menggunakan data dari pemerhatian yang dijalankan, data berkenaan tingkah laku pejalan kaki dibangunkan.

The Impact of Waiting Time towards Pedestrians at Signalised Intersection

A large number of pedestrian are getting killed in traffic accidents each year. A review of pedestrian crash data shows that most of the crashes occur while the pedestrians were crossing the road. In spite the pedestrian facilities provided, crashes involving pedestrians still occur. The pattern of pedestrian behaviour when crossing the road is depending on various factors relating to their safety.

The main objective of this study is to evaluate the impact of waiting time towards pedestrian at signalised intersection. This study was conducted to identify the factors that influence the behaviour of pedestrian while crossing the signalised intersection. In addition, this study will look at how these factors will affect the compliance of pedestrian towards pedestrian signals.

Observational study was conducted through video recording in order to observe the pedestrian waiting time and behaviour while crossing the intersection. Ten (10) signalised intersection located in Klang Valley area was selected. Data for each selected signalised intersection was obtained by digital video camera recording on weekdays during peak hours and off-peak hours. A total of 5,286 pedestrians was observed. Among the variables recorded from the observation are pedestrian gender, crossing pattern, age group, pedestrian waiting time before crossing the intersection, volume of pedestrian and some other variables. Using data from the observation, pedestrian behaviour database has been established.

From the observation made, study shows that the variables such as gender, age group, waiting time and crossing pattern affect the proportion of violations. In addition, pedestrian can be categorised

PUSAT PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN ALAM SEKITAR ROAD SAFETY ENGINEERING AND ENVIRONMENT RESEARCH CENTRE

Daripada pemerhatian yang dibuat, kajian menunjukkan bahawa jantina, kumpulan umur yang berbeza, masa menunggu dan corak lintasan pejalan kaki mempengaruhi kadar pelanggaran isyarat pejalan kaki. Di samping itu, pejalan kaki boleh dikategorikan kepada dua (2); pejalan kaki yang akan menunggu di tepi jalan sebelum melintas; dan pejalan kaki yang akan terus menyeberangi persimpangan setibanya di tepi jalan. Walau bagaimanapun, melalui pemerhatian yang dibuat, kedua-dua keadaan ini melibatkan pejalan kaki yang mematuhi dan juga tidak mematuhi isyarat pejalan kaki.

Sepatutnya, pejalan kaki perlu menunggu isyarat hijau untuk pejalan kaki sebelum menyeberangi jalan. Tetapi, kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pejalan kaki tidak mematuhi isyarat pejalan kaki. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keadaan trafik adalah salah satu faktor yang mempengaruhi tingkah laku pejalan kaki sebelum mereka memutuskan untuk menyeberangi jalan.

into two (2); pedestrian who will wait at the roadside before crossing; and pedestrian who will immediately cross the intersection after arrived at the roadside. However, through the observations made, both of these situations involve pedestrian that comply and also failed to comply with pedestrian signals. Supposedly, pedestrian have to wait for green man phase before crossing. But, the results show that most of the pedestrian did not follow the pedestrian signals. Therefore, it can be concluded that the traffic situation is one of the factors that influence the pedestrian decision to cross.



Keadaan trafik adalah salah satu faktor yang mempengaruhi tingkah laku pejalan kaki

Traffic situation is one of the factors that influence the behaviour of pedestrians before deciding to cross

Penilaian Sistem Kawalan Trafik "Authorised Left Turn" di Persimpangan Berlampu Isyarat di Kuala Lumpur

Pelbagai reka bentuk "Left Turn on Red" (LTOR) yang berfungsi sebagai kawalan trafik telah beroperasi di Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu. Namun, kecekapan LTOR dalam meningkatkan aliran trafik di persimpangan masih belum terbukti kerana tiada kajian dijalankan setakat ini. Oleh kerana terdapat permintaan untuk pelaksanaannya di seluruh negara, LTOR telah diwartakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan Malaysia dan diperkenalkan semula sebagai "Authorised Left Turn" (ALT). Disebabkan terdapat kebimbangan terhadap isu keselamatan, MIROS telah menghasilkan satu garis panduan bagi pemasangan kawalan trafik ini untuk digunakan oleh pihak berkuasa tempatan pada tahun 2012. Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan untuk menilai ALT dari perspektif keselamatan dan kecekapan seperti kekerapan konflik kenderaan, kadar pelanggaran dan tahap perkhidmatan (LOS). Data telah dikumpul di tiga persimpangan semasa, sebelum dan selepas pemasangan ALT. Hasil kajian menunjukkan bahawa ALT telah meningkatkan sedikit kapasiti persimpangan. Kebanyakan kenderaan yang membelok ke kiri semasa lampu merah melanggar peraturan ALT yang mana pemilik kenderaan perlu berhenti sepenuhnya sebelum meneruskan pergerakan ALT. Tiada konflik yang serius berlaku semasa tempoh penilaian dibuat. "Multiple regression model" menunjukkan bahawa jenis kenderaan, konflik kenderaan dan jumlah kenderaan melalui simpang memberi kesan ketara kepada kadar pelanggaran ALT. Berdasarkan kajian ini, kesimpulan boleh dibuat bahawa peruntukan kawalan trafik ALT meningkatkan kapasiti persimpangan dan tidak menjejaskan keselamatan secara ketara. Oleh yang demikian, adalah disyorkan untuk memasang kawalan trafik ALT di persimpangan yang

Evaluation Of Authorised Left Turn (ALT) Traffic Control At Signalised Junctions In Kuala Lumpur

Different forms of Left Turn on Red (LTOR) traffic control have been operated in Malaysia for several years. However, the efficiency of LTOR in improving traffic flow at junctions has yet to be proven as no study has been conducted thus far. Due to demand for its implementation nationwide, this practice was gazetted under the Malaysian Road Transport Act and was reintroduced as Authorised Left Turn (ALT). Due to some safety concerns, MIROS had produced a guideline for the installation of this traffic control for use by the local authorities in 2012. This study was undertaken to assess the ALT from the safety and efficiency perspective such as frequencies of vehicle conflicts, violation rates and level of service (LOS). Data were collected at three junctions during, before and after ALT installation. The results showed that ALT slightly improved the capacity at intersection. Most of the left turn on red movements violated the ALT rule of which motorists need to come to a complete stop before performing ALT. No serious conflict was observed during the study periods. Multiple Regression Model suggests that types of vehicles, conflicting vehicles and total approach volumes significantly affect the ALT violation rates. Based on the findings, it can conclude that the provision of ALT traffic control improves the junction capacity at certain degree without prominent detriment to the safety. It is recommended to install ALT traffic control at junctions which fulfil the criteria outlined in the guideline. It is also suggested to constantly monitor the performance of ALT as the behaviour of motorists change over the time which in long run would expose other road users to the risk of collision.

memenuhi kriteria seperti digariskan di dalam garis panduan yang ada. Selain itu, prestasi ALT perlu dipantau secara berterusan kerana tingkah laku pengguna jalan raya berubah mengikut masa dan seterusnya mendedahkan pengguna jalan raya yang lain kepada risiko pelanggaran.

Ciri Hadlaju di Lebuhraya Luar Bandar di Malaysia

Kajian ini dijalankan untuk menentukan ciri-ciri halaju kenderaan di atas lebuhraya yang terpilih di Malaysia. Data halaju merupakan salah satu parameter yang digunakan untuk menentukan had laju maksimum, minimum dan menilai keadaan keselamatan sesuatu jalan. Skop kajian ini adalah di atas lebuhraya luar bandar yang mempunyai had laju 110km/j dan boleh dikategorikan kepada dua iaitu lebuhraya 6 lorong dan 4 lorong dua hala. Pengumpulan data dijalankan pada hari bekerja dan diluar waktu puncak. “Smart sensor” digunakan untuk mengumpul hadlaju kenderaan.

Hasil kajian mendapati purata hadlaju ialah 102km/j, 15th percentile adalah 81km/j dan 85th percentile ialah 125km/j. Didapati 35% pemandu menandu melebihi kelajuan 110km/j di lebuhraya 6 lorong manakala 32% pemandu di lebuhraya 4 lorong memandu melebihi 110km/j. Juga didapati bahawa terdapat perbezaan halaju ketara di antara dua lorong yang menyebelahi bagi kedua-dua kategori lebuhraya ($p < 0.05$). Coefficient of variation adalah dalam julat 11% hingga 20% dan ianya didapati paling tinggi di laluan kenderaan perlahan.

Kajian lanjut perlu dijalankan untuk menentukan had laju minimum dengan mengaitkan taburan halaju kenderaan ini dengan sejarah kemalangan di kawasan berhampiran lokasi kajian. Dapatan

Speed Characteristics On Rural Expressways In Malaysia

This study was carried out to determine the vehicle speed characteristics at selected rural expressways in peninsular Malaysia. The speed data is one of the measures to set minimum and maximum speed limit as well as evaluate the safety condition of a given road. The scope of the study was along a rural expressway with 110km/h speed limit and may be classified into two categories, 6 lanes and 4 lanes dual carriageway roads. The data collection was conducted during off peak period on weekdays. Smart sensor was used to capture all the vehicle speeds.

The results showed that mean, 15th and 85th percentile speed was 102km/h, 81km/h and 125km/h respectively. It was found that 35% and 32% of drivers exceeded the speed limit of 110km/h on 6 lanes dual carriageway and 4 lanes dual carriageway sections, respectively. There was a significant difference in speed between adjacent lanes and between both type of carriageway ($p < 0.05$). The coefficient of variation ranged between 11% to 20% and was found to be the highest on the slow lanes.

To set minimum speed limit, further studies need to be carried out by looking at the relation of accident history near the study location with the speed distribution from this study. This finding is useful for the Malaysian authority in reviewing the minimum, maximum speeds and evaluating safety condition on Malaysian Expressway.

kajian ini adalah berguna bagi pihak berkuasa bagi membuat semakan terhadap had laju minimum dan maksimum serta menilai keselamatan lebuhraya di Malaysia.

Kajian Halaju dan Tingkahlaku Penunggang Motosikal di Sepanjang Jalan Raya di Malaysia


Kajian ini menggunakan data daripada pemerhatian seramai 8,277 penunggang motosikal, yang dijalankan di pelbagai hierarki jalan raya di Malaysia pada tahun 2015. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti samada faktor seperti ciri-ciri rekabentuk jalan raya, jenis motosikal dan tingkah laku penunggang samada mendorong penunggang motosikal menunggang dengan kelajuan yang berlebihan. Sebagai sebahagian daripada proses pengumpulan data dan analisa, pasukan penyelidik telah membangunkan perisian khusus untuk pengumpulan dan pengurusan data untuk pemerhatian terhadap penunggang motosikal, atau MECHROM. Analisa terhadap kelajuan motosikal menunjukkan bahawa penunggang motosikal akan lebih laju berbanding kenderaan lain di sepanjang jalan utama dua hala tiga lorong dan jalan pengumpul dua hala empat lorong. Secara umum 42.2% daripada motosikal menunggang melebihi had laju manakala 28.6% melampaui persentil ke-85 kelajuan trafik. Kajian ini menunjukkan penunggang motosikal hanya menunggang di bahu jalan raya pada jalan dua hala dengan bahu berturap; manakala di semua jalan tanpa bahu berturap, majoriti penunggang motosikal menunggang di lorong perlahan atau di sebelah berhampiran jalan. Penunggang motosikal sering menunggang di hadapan kenderaan yang bergerak (21.1% - 31.3%) tanpa mengambil kira jenis jalan. Dalam menentukan faktor yang boleh dikaitkan dengan penunggang motosikal menunggang

Speed Study and Behaviour Observation of Motorcyclists along Malaysian Roads

The main task of CRASE is to conduct crashworthiness testing of vehicles. This unit performs experimental and validation test on safety equipment and items on vehicles. In 2015, CRASE has conducted 20 crash test as an effort to assess the safety performance of vehicles in ASEAN region. Besides, this unit is actively involved in reviewing the safety aspect of vehicle related policies and regulatory requirements. In 2015, CRASE has organised the Conference of ASEAN Road Safety 2015 (CARS2015) on 2 to 6 November 2015 in Kuala Lumpur, Malaysia which was participated by over 300 participants. The main objective of this conference is to bring together researchers and experts, scientists, academics, policy makers, enforcement of the ASEAN countries, related equipment manufacturers and other safety related to present research findings in the road safety field in order to reduce deaths and injuries caused by road accidents. The research projects of CRASE focus on the aspect of vehicle safety performance and assessment programmes, child restraint studies, frontal collision tests, lateral collision tests and other vehicle related studies.

PUSAT PENYELIDIKAN KESELAMATAN KENDERAAN DAN BIOMEKANIK

VEHICLE SAFETY AND BIOMECHANICS RESEARCH CENTRE

Selain itu, unit ini juga terlibat secara aktif dalam semakan polisi dan peraturan berkaitan keselamatan kenderaan. Projek penyelidikan yang dijadikan fokus adalah dari segi tahap keselamatan kenderaan dan program penilaian, kajian tempat duduk kanak-kanak (child restraint), ujian perlanggaran depan dan sisi, serta kajian berkaitan keselamatan kenderaan.

CRU adalah ditugaskan untuk menjalankan penyiasatan kemalangan berprofil tinggi di seluruh Malaysia. Penyiasatan kemalangan CRU merangkumi multidisiplin, iaitu pemeriksaan mendalam dalam faktor reka bentuk jalan raya dan persekitaran, kerosakan luaran dan dalaman kenderaan, serta keselamatan dan mekanisme kecederaan mangsa. Maklumat ini adalah penting untuk menentukan faktor penyumbang kepada kemalangan. Pada tahun 2015, CRU telah menyiasat sebanyak 94 kes berprofil tinggi termasuk penyiasatan kemalangan bagi kes kemalangan bas ekspres di KM 326.3 PLUS berdekatan Tapah yang melibatkan 8 kematian. Hasil penyiasatan CRU merupakan rujukan utama bagi pemantauan keberkesanan program keselamatan jalan raya, penghasilan hipotesis untuk kajian berterusan, serta sebagai pendokong kepada intervensi penambahbaikan. Selain itu, unit ini menjalankan kajian berkaitan keselamatan kenderaan komersial, penyiasatan kajian kemalangan motosikal, keselamatan tayar kereta, kajian mengenai penanda pemantul belakang bagi kenderaan berat dan kebekersanan pad brek kereta. Di samping itu, CRU juga terlibat dalam mengadakan bengkel peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi memperluaskan pengetahuan mengenai penyiasatan kemalangan dan analisis kecederaan untuk pihak industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Pada tahun ini, unit ini telah berjaya mengadakan Bengkel Keempat Malaysia: Penyiasatan Kemalangan dan Analisis Kecederaan

CRU is a dedicated unit in conducting high profile road crash investigation throughout Malaysia. The aspect of the investigations is multidisciplinary, comprising of in-depth inspection on road design and environment factors, vehicle exterior and interior damage, and on occupant safety and injury mechanism. This information is essential to determine the contributing factors of the investigated crashes. In year 2015, CRU has investigated 94 high profile cases including investigations of the crash involving an express bus in KM 326.3 North-South Expressway near Tapah which caused 8 fatalities. The findings from those investigations carried out by CRU serve as the main reference for pertinent information on evaluation of the effectiveness of road safety programme, generating hypothesis for future studies in road safety, and supporting the proposed intervention. Moreover, this unit conducts various research projects related to commercial vehicle safety, in-depth study on real world motorcycle crashes, passenger car tire safety, study on rear end marker for heavy vehicles, and on passenger car brake pad performance. Furthermore, CRU is also involved in organizing national and international level seminars and workshops to expand the knowledge on crash investigation and injury analysis for industry players and relevant stakeholders. For this calendar year, the unit has successfully organized the 4th Malaysian Workshop: Crash Investigation and Injury Analysis on 4-6 August 2015 in Hotel Bangi-Putrajaya. The workshop focused on the importance of crash investigation and injury scaling in road safety and had received interest from approximately 80 participants including 12 international participants from automotive industry, transport and logistics industry, government agencies and also academicians.

The main function of CRIS-P is to conduct in-depth and high impact

PUSAT PENYELIDIKAN KESELAMATAN KENDERAAN DAN BIOMEKANIK *VEHICLE SAFETY AND BIOMECHANICS RESEARCH CENTRE*

pada 4-6 Ogos 2015 di Hotel Bangi-Putrajaya. Bengkel ini memberi fokus pada kepentingan penyiasatan kemalangan dan penskalaan kecederaan untuk keselamatan jalan raya. Bengkel ini telah menarik minat sebanyak 80 peserta termasuk 12 peserta antarabangsa daripada industri automotif, industri pengangkutan dan logistik, agensi kerajaan dan juga universiti.

Fungsi utama CRIS-P adalah untuk menjalankan kajian yang berimpak tinggi berkaitan pencegahan kecederaan, keselamatan kenderaan dan kesihatan pemandu. Fokus utama unit dalam penyelidikan adalah pada kesihatan dan kesediaan pemandu, pemandu di bawah pengaruh ubat atau arak, sistem pengurusan keselamatan, kualiti udara dalaman, rehabilitasi pemandu, pra dan pasca trauma, pengurusan kemalangan dan bantuan kecemasan, pemandu yang keletihan dan mengantuk. Unit ini bertanggungjawab untuk menjalankan audit keselamatan dan kesihatan pada syarikat pengangkutan. Sejak 2013, CRIS-P telah melancarkan program “Safety Star Grading” bagi menilai tahap keselamatan operasi bas ekspres dari aspek keselamatan, kesihatan dan persekitaran (SHE). Pada tahun 2015, CRIS-P telah menjalankan sebanyak 10 audit. Di samping itu, CRIS-P juga mengadakan bengkel mengenai sistem pengurusan keselamatan jalan raya pada September 2015 untuk syarikat pengangkutan dan agensi kerajaan yang berkaitan. Sejumlah 80 peserta daripada industri dan agensi telah menyertai bengkel tersebut. Bengkel ini telah menjadi platform untuk pembincangan dan pengkongsian maklumat dengan sektor pengangkutan secara efektif. Selain itu, CRIS-P juga membekalkan perkhidmatan perundingan kepada industri dengan memberikan nasihat teknikal dari segi sistem pengurusan keselamatan, serta pengurusan kesihatan dan keletihan bagi industri pengangkutan.

research related to injury prevention, vehicle safety and driver's health. The main focus of research for this unit are on health and readiness of drivers, driver under influence, safety management systems, indoor air quality, driver rehabilitation, pre and post trauma, accident management and emergency assistance, fatigue and sleepy driver. The unit also responsible to conduct safety and health audit on fleet operation. Since 2013, CRIS-P has initiated Safety Star Grading audit to evaluate the safety level of express bus operators on the aspect of SHE. In 2015, CRIS-P has conducted 10 audits. In addition, CRIS-P has also conducted Seminar on Road Safety Management System which has been held in September 2015 among commercial fleet operators and related government agencies. A total of 80 participants from industries and agencies have participated This seminar has become a platform for the transportation sector to discuss and sharing information effectively. Other than that, CRIS-P also provide industrial consultancy services such as technical advice on safety management system, managing health and fatigue risk for the transport industry.

PUSAT PENYELIDIKAN KESELAMATAN KENDERAAN DAN BIOMEKANIK
VEHICLE SAFETY AND BIOMECHANICS RESEARCH CENTRE



The animation for express bus crash in KM 326.3 North South Expressway near Tapah as the result of crash investigation and reconstruction.
Animasi bagi kemalangan bas ekspres di KM 326.3 PLUS berdekatan Tapah sebagai hasil daripada penyiasatan dan rekonstruksi kemalangan



SWOV

Wetensch
On
rkeersve

MANUAL OF UNDERSTANDING
SWOV
MERX

An aerial, golden-hour photograph of a cityscape. In the foreground, a multi-lane highway curves through lush green trees. A red and white monorail train is traveling on an elevated track that runs parallel to the highway. The background shows a dense urban skyline with several skyscrapers, including the Petronas Twin Towers, under a hazy, sunlit sky.

PEMINDAHAN ILMU
KNOWLEDGE TRANSFER

PEMINDAHAN ILMU

KNOWLEDGE TRANSFER

Pemindahan teknologi melibatkan pelbagai aktiviti seperti pelaksanaan persidangan, kursus teknikal, khidmat nasihat, khidmat perundingan, pembangunan usahawan, hubungan teknikal, penerbitan, pameran dan ceramah.

Transfer of technology involves a variety of activities such as the organization of conferences, technical training, consultation, legal services, entrepreneurship development, technical linkages, publication, exhibition and talks.

Pameran

Aktiviti ini bertujuan untuk mempamerkan hasil penyelidikan MIROS kepada umum di samping menyediakan khidmat nasihat kepada pengunjung yang ingin mendapat maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh MIROS. Butiran tentang pameran yang disertai seperti berikut:

Exhibition

These activities is aim to showcase MIROS research findings to public, apart of providing consultation services to visitors for obtaining information with regard to the research conducted by MIROS. Details of the exhibition participated by MIROS is as follow:

Antara pameran utama yang disertai oleh MIROS pada tahun 2015:

Among the major exhibitions participated by MIROS in 2015:

Bil / No	Tajuk Pameran / Exhibition	Tempat / Venue	Tarikh / Date	Penganjur / Organiser
1	Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA)	Langkawi	17- 20 Mac	MOT
2	Road Safety Campaign & Exhibition	Genting Highlands	26 -27 Mac	Genting Group
3	Program Hari Bertemu Pelanggan MOT	TBS - Bandar Tasik Selatan	25 Mac	MIROS
4	Minggu Kesihatan Dan Keselamatan 2015 Lafarge	Sungai Siput, Perak	20 Mei	Lafarge Malaysia
5	Majlis Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan	MAHB, Sepang	26 Mei	Perkeso
6	Security Awareness Program	Petronas, KLCC	9 Julai	Petronas
7	Asean Automobile Safety Forum	Bandung, Indonesia	20-22 September	Asean NCAP
8	Mesyuarat Agung Tahunan MKJR ke 56	Kangar, Perlis	31 Oktober- 1 November	MKJR Malaysia
9	ASEAN NCAP - CHILD SAFETY DAY	Balakong, Kuala Lumpur	11 November	Asean NCAP
10	Konvensyen Pemandu Kenderaan KKM Peringkat Kebangsaan 2015	Batu Pahat, Johor	28 November	Kesatuan Pemandu Pemandu Kementerian Kesihatan Sem. M'sia

PEMINDAHAN ILMU

KNOWLEDGE TRANSFER

Persidangan Keselamatan Jalan Raya ASEAN 2015 (CARS 2015)

Persidangan Keselamatan Jalan Raya ASEAN 2015 (CARS 2015) telah berlangsung pada 2 hingga 6 November 2015 bertempat di Kuala Lumpur, Malaysia dan telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS). Persidangan tersebut merangkumi perbentangan hasil penyelidikan, bengkel dan promosi keselamatan jalan raya. Menyedari isu keselamatan jalan raya di rantau Asia Tenggara, dan ini merupakan persidangan pertama menangani masalah keselamatan jalan raya di peringkat ASEAN. Tema CARS2015 menekankan aspirasi yang sama seperti dalam Dekad Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2011-2020 yang memberi tumpuan kepada lima aspek utama - pengurusan keselamatan jalan raya, infrastruktur lestari, kenderaan yang lebih selamat, tingkah laku pengguna jalan raya, dan pasca trauma kemalangan.

Objektif utama persidangan ini adalah untuk menghimpunkan penyelidik dan pakar-pakar, ahli-ahli sains, ahli akademik, penggubal dasar, penguatkuasa negara-negara ASEAN, pengeluar kenderaan dan alat keselamatan yang berkaitan untuk membentangkan hasil penyelidikan dalam bidang keselamatan jalan raya bagi mencari penyelesaian untuk mengurangkan kadar kematian dan kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya.

Persidangan di peringkat kementerian ini mengumpulkan lebih daripada 300 peserta termasuk perwakilan daripada 15 buah negara yang berbeza. E-prosiding yang bertajuk Prosiding Persidangan Keselamatan Jalan Raya ASEAN 2015 telah diterbitkan pada bulan Disember 2015 dan boleh didapati di dalam

The Conference of ASEAN Road Safety 2015 (CARS2015)

The Conference of ASEAN Road Safety 2015 (CARS2015) took place from 2 to 6 November 2015 in Kuala Lumpur, Malaysia and was convened by Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS). The conference included a presentation of the research outcome, workshops and road safety promotion. Realising the road safety issue in this region, and since this is the first conference addressing ASEAN in road safety. The theme for CARS2015 highlighted the same aspiration as in Decade of Action for Road Safety 2011-2020 which focusing on 5 pillars – road safety management, sustainable infrastructure, safe vehicles, road user behaviour and post-crash care.

The main objective of this conference is to brings together researchers and experts, scientists, academics, policy makers, enforcement of the ASEAN countries, related equipment manufacturers and other safety related to present research findings in the road safety field in order to reduce deaths and injuries caused by road accidents.

The conference was a high-level ministerial event that brought together over 300 participants, including delegates from over 15 difference countries. An e-proceeding entitled Proceeding of the Conference of ASEAN Road Safety 2015 was published in December 2015 and available online at <http://cars-asean.miros.gov.my/eproceeding.html>. The conference awarded three best papers out of the accepted 55 papers in the CARS2015.

The conference was first held in the ASEAN region will be a catalyst for better road safety in ASEAN especially for motorcyclist. In addition, MIROS as Road Safety Centre (ASEAN Road Safety Center) take this responsibility to organize this conference which

PEMINDAHAN ILMU KNOWLEDGE TRANSFER

talian berikut <http://cars-asean.miros.gov.my/eproceeding.html>. Persidangan ini telah menganugerahkan tiga manuskrip terbaik daripada 55 manuskrip yang diterima.

Persidangan ini telah diadakan di rantau ASEAN buat pertama kali dan akan menjadi pemangkin kepada keselamatan jalan raya yang lebih baik terutama bagi penunggang motosikal. Di samping itu, MIROS sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya (Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN) mengambil tanggungjawab untuk menganjurkan persidangan ini yang akan menentangahkan isu-isu serta pendekatan terbaik untuk menyelesaikan masalah keselamatan jalan raya khususnya di rantau Asia Tenggara.

Ini adalah satu peluang keemasan untuk melihat dan dilihat oleh sebilangan besar pakar dalam bidang keselamatan jalan raya dari seluruh dunia. Persidangan ini juga membuka peluang penajaan kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk memberi sedikit sumbangan. Untuk persidangan ini, CARS2015 berjaya mendapatkan kira-kira RM 280,000.00 tajaan daripada pelbagai perjuang prinsip keselamatan jalan raya.

Bengkel Keempat Malaysia: Penyiasatan Kemalangan dan Analisis Kecederaan

CRU telah mengadakan 4th Malaysian Workshop: Crash Investigation and Injury Analysis pada 4-6 Ogos 2015 di Hotel Bangi-Putrajaya. Bengkel ini memberi fokus pada kepentingan penyiasatan kemalangan dan penskalaan kecederaan dalam keselamatan jalan raya. Sejumlah 80 peserta daripada industri automotif, industri pengangkutan dan logistik, agensi kerajaan dan juga universiti telah menghadiri bengkel tersebut. Bengkel ini berjaya menarik perhatian 12 peserta yang datang dari luar

will highlight the issues and the best approach to solve the problem of road safety in ASEAN generally.

This is a unique opportunity to see and to be seen by a large number of specialists in the field of road safety from all over the world. The conference also offer several possibilities of sponsoring that can substantially contribute to the spread of name, brand and company information at various moments throughout the conference. For this event, CARS2015 managed to get approximately RM 280,000.00 sponsorship from various road safety believer.

4th Malaysian Workshop: Crash Investigation and Injury Analysis

CRU has organized 4th Malaysian Workshop: Crash Investigation and Injury Analysis on 4-6 August 2015 at Hotel Bangi-Putrajaya. This workshop focused on the importance of crash investigation and injury scaling in road safety. A total of 80 participants attended the workshop coming from automotive industry, transport and logistics industry, government agencies and also universities. This workshop has succeeded in attracting 12 of the participants from other countries to attend to the dedicated courses. In this workshop, the participants were exposed to courses including crash scene examination and data collection, vehicle inspection, Collision Deformation Classification, energy and momentum analysis, biomechanics and injury coding covering both theoretical and practical aspects.

PEMINDAHAN ILMU

KNOWLEDGE TRANSFER

negara untuk menghadiri kursus yang ditawarkan. Bengkel ini telah menyediakan kursus-kursus seperti pemeriksaan tempat kemalangan dan pengumpulan data, pemeriksaan kenderaan, klasifikasi perubahan bentuk perlanggaran, analisis momentum dan tenaga, Biomekanik serta pengekodan kecederaan dengan merangkumi aspek teori dan amali.

Bengkel Ketiga mengenai Sistem Pengurusan Keselamatan Jalan Raya

Bengkel mengenai sistem pengurusan keselamatan jalan raya telah diadakan pada 8 September 2015 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam dengan tema "Fleet Driver Management for Better Road Traffic Safety". Ini merupakan kali ke-3 Unit Pencegahan & Sains Kecelakaan Kemalangan (CRIS-P) dibawah Pusat Penyelidikan Biomekanik & Keselamatan Kenderaan menganjurkan seminar seumpama ini. Seramai 80 orang peserta telah menyertai seminar ini yang terdiri daripada wakil-wakil daripada syarikat pengangkutan kenderaan perdagangan, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta kakitangan MIROS. Objektif seminar ini dianjurkan adalah bagi memberi pendedahan dan pemahaman kepada peserta mengenai sistem pengurusan keselamatan jalan raya dan pengurusan pemandu. Seminar ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran dan pemahaman mengenai kesan pengurusan sistem keselamatan jalan raya terutamanya pengurusan pemandu terhadap keselamatan operasi yang melibatkan kenderaan serta menyediakan platform bagi mendapatkan idea-idea dan input daripada pihak industri berkaitan penambahbaikan dalam penyelidikan dan aktiviti intervensi yang akan dirancang pada masa akan datang.

Third Seminar on Road Safety Management System

Seminar on Road Safety Management System was held on September 8, 2015 at the Concorde Hotel, Shah Alam with the theme "Driver Fleet Management for Better Road Traffic Safety". This is the 3rd time for Crash Injury Sciences & Prevention Unit (CRIS-P) under the Vehicle Safety & Biomechanics Research Center (VSBC) to organise seminar such as this. A total of 80 participants attended the seminar, which consisted of representatives of commercial vehicle transportation companies, government agencies and MIROS staff. The objective of this seminar is to provide exposure and understanding to the participants about road safety management systems and driver management. The seminar also aims to create awareness and understanding about the impact of the road safety management system, especially driver management of operations safety involving the vehicle and providing a platform to gather ideas and input related to improvements in research from industry and future plan of intervention activities.



Ucapan penutupan majlis disampaikan oleh Pengarah VSB.
Closing ceremony speech is given by the Director of VSB.

PEMINDAHAN ILMU
KNOWLEDGE TRANSFER



Ahli jawatankuasa bagi Bengkel Ketiga mengenai Sistem Pengurusan Keselamatan Jalan Raya
The committee members of 3rd Seminar on Road Safety Management System



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICE DIVISION



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

MANAGEMENT SERVICE DIVISION

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab dalam hal ehwal yang berkaitan pentadbiran dan pengurusan secara umum. BKP diketuai oleh Ketua Bahagian dan disokong oleh empat (4) orang Ketua Unit yang mengetuai setiap unit di bawah BKP, lima belas (15) orang staf tetap, sebelas (11) orang staf kontrak dan lima (5) orang Pekerja Sambilan Harian (PSH). Bahagian Khidmat Pengurusan berperanan dalam:

1. memastikan sistem pengurusan perkhidmatan bersepadu dilaksanakan bagi merancang dan mengurus keperluan organisasi berteraskan kepada pembaharuan agar perkhidmatan yang cekap dan berkesan dapat diberikan kepada pelanggan;
2. memastikan organisasi sentiasa peka dan responstif kepada kehendak dan keperluan semasa;
3. menjadi sumber rujukan dan bantuan kepakaran dalam khidmat pengurusan yang berkenaan untuk manfaat yang menyeluruh kepada staf MIROS;
4. mengesyorkan dan menyediakan pelan penambahbaikan kepada pelanggan-pelanggan.

Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM)

Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) berperanan dalam hal-hal pengurusan sumber manusia, pembangunan sumber manusia dan pentadbiran am. Selaras dengan peranan tersebut, UPSM bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar Pengurusan Sumber Manusia yang ditetapkan oleh agensi pusat dan MIROS.

Management Services Division (BKP)

Management Services Division (BKP) is responsible for the administration and operation as generally. BKP is led by its Head of Division and supported by four (4) Head of Units, fifteen (15) permanent staff, eleven (11) contract staff and five (5) part timers. BKP is responsible:

- 1. to ensure integrated service management system are implemented for planning and managing the organization's needs to ensure efficient and effective service can be provided to the customers;*
- 2. to ensure the organisation is sensitive and responsive to the current needs and requirements;*
- 3. to be the reference point and expert provider in management services related matters for the wellbeing of MIROS' staff;*
- 4. to recommend and provide enhancement plan to customers.*

Human Resource Management Unit (UPSM)

Human Resource Management Unit (UPSM) plays a major role in the affairs of human resource management, human resource development and general administration. In line with this role, UPSM responsible in implementing the policies of Human Resources Management established by central agencies and MIROS. UPSM headed by an Administrative Officer as Head of Unit and supported by six (6) staff members consist of an Administrative Officer, Assistant Administrative Officer, three (3) Administrative Assistant (Clerical & Operation) and an Operations Assistant.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

MANAGEMENT SERVICE DIVISION

UPSM diketuai oleh seorang (1) Pegawai Tadbir selaku Ketua Unit dan disokong oleh enam (6) orang staf terdiri daripada seorang (1) Pegawai Tadbir, seorang (1) Penolong Pegawai Tadbir, tiga (3) orang Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) serta seorang (1) Pembantu Operasi.

Sepanjang tahun 2015, selain melaksanakan tugas-tugas rutin, UPSM turut melaksanakan beberapa aktiviti antaranya ialah:

1. Majlis Perutusan Ketua Pengarah Tahun 2015 dan Sanjung Sujana MIROS 2014;
2. MIROS Corporate Day 2015;
3. Wacana Ilmu - Polisi dan Prosedur Pengurusan Kerja Lebih Masa;
4. Pelaksanaan 14 Program Latihan Dalaman.

Unit Pembangunan dan Pentadbiran Fasiliti (UPPF)

Fungsi utama Unit Pembangunan dan Pentadbiran Fasiliti (UPPF) tertumpu kepada aktiviti operasi iaitu penyelenggaraan fasiliti bangunan, kawalan keselamatan, kebersihan bangunan, perkhidmatan logistik, khidmat pelanggan dan menyelaras serta memantau projek pembangunan. Unit ini terdiri daripada dua belas (12) orang staf iaitu seorang (1) Ketua Unit dan sebelas (11) orang staf Kumpulan Pelaksana iaitu dua (2) staf tetap, lima (5) staf kontrak dan empat (4) Pekerja Sambilan Harian (PSH).

In addition to carry out routine tasks, UPSM also undertaken several activities throughout 2015, including:

1. *Message from the Director-General 2015 and Sanjung Sujana MIROS 2014;*
2. *MIROS Corporate Day 2015;*
3. *Intellectual Discourse – Overtime Management Policy and Procedure;*
4. *Implementation of 14 Internal Training Program.*

Development and Administration Facility Unit (UPPF)

Development and Administration Facility Unit (UPPF) focuses on activities which include building facilities maintenance, security, building cleanliness, logistic services, customer services and development project coordination and monitoring. This unit consists of twelve (12) staff including Head of Unit and eleven (11) support staff, comprising two (2) permanent staff, five (5) contract staff and four (4) part-time staff.

Financial Management and Procurement Unit (UPKP)

Financial Management and Procurement Unit (UPKP) manages affairs which are related to financial and accounts management as well as assist the Management to make financial decisions. The scope of UPKP are accounting management, budget management,

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICE DIVISION

Unit Pengurusan Kewangan dan Perolehan (UPKP)

Unit Pengurusan Kewangan dan Perolehan bertanggungjawab menguruskan hal ehwal berkaitan pengurusan kewangan dan akaun MIROS serta membantu Pihak Pengurusan MIROS membuat keputusan berkaitan kewangan. Antara skop kerja UPKP ialah pengurusan perakaunan, pengurusan belanjawan, operasi bayaran, gaji staf, pendahuluan staf, urusan perjalanan udara, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pengurusan aset, pengurusan hasil dan terimaan serta pengurusan stor. Unit ini dianggotai oleh sembilan (9) orang staf yang terdiri daripada seorang (1) Ketua Unit, enam (6) staf tetap, tiga (2) staf kontrak.

Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM)

Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM) secara amnya bertanggungjawab menyediakan infrastruktur rangkaian teknologi maklumat (IT) dan perkhidmatan yang berkaitan di MIROS. Unit ini terdiri daripada lima (5) orang staf yang diketuai oleh seorang (1) Pegawai Teknologi Maklumat selaku Ketua Unit, seorang (1) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan dua (2) orang Juruteknik Komputer serta seorang (1) Pekerja Sambilan Harian (PSH). Skop utama unit ini ialah menyediakan infrastruktur IT yang merangkumi aktiviti mengurus, menyelenggara dan mentadbir semua aktiviti pentadbiran rangkaian pengkomputeran di MIROS.

payment operations, payroll, managing staff advances, air travel, financial management, procurement management, asset management, revenue receipts and store management. The unit consists of nine (9) staff led by Head of Unit, six (6) permanent staff and three (2) contract staff.

Information Technology Management Unit (UPTM)

The Information Technology Management Unit (UPTM) is responsible for providing IT infrastructure and related services in MIROS. UPTM consists of five staff including an Information Technology Officer as the Head of Unit, an Assistant Information Technology Officer, two (2) IT Technicians and a part-time staff. The main scope of UPTM is to provide the IT infrastructure, encompasses managing, maintaining and administering all activities in MIROS network.

Bengkel Retreat
Bahagian Khidmat Pengurusan 2015
Retreat Workshop
Management Services Division 2015



An aerial, high-angle view of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a prominent monorail train on an elevated track and a multi-lane highway below. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden sky. The entire image has a warm, orange-tinted overlay.

KORPORAT DAN PENGURUSAN ILMU
*CORPORATE AND KNOWLEDGE AND
MANAGEMENT*

LAPORAN KORPORAT DAN PENGURUSAN ILMU

CORPORATE AND KNOWLEDGE MANAGEMENT REPORT

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu (UKPI) bertanggungjawab untuk mengukuhkan imej korporat Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. Selain itu, unit ini berperanan merancang, mengurus dan melaksanakan promosi dan publisiti mengenai program, aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MIROS.

Antara tugas utama UKPI ialah meningkatkan jaringan dan hubungan strategik di dalam bidang keselamatan jalan raya. MIROS telah menandatangani perjanjian bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia, Shell Malaysia dan Institut Teknologi Bandung. UKPI juga ditugaskan untuk menyediakan dan menyebarkan kenyataan akhbar, serta membantu media dalam penyebaran maklumat mengenai penyelidikan keselamatan jalan raya.

UKPI juga telah menguruskan tugas-tugas protokol seperti jemputan media, penulisan ucapan dan pengurusan acara untuk kesemua majlis di MIROS. Kejayaan penganjuran (CARS 2015) merupakan satu penanda aras penting di mana UKPI memainkan peranan penting dalam menguruskan majlis tersebut terutamanya dalam urusan protokol.

Pencapaian keseluruhan aktiviti pameran keselamatan jalan raya mencatatkan sebanyak 37 penyertaan daripada Unit Korporat dan Perhubungan Awam di dalam dan luar negara serta sejumlah 32 ceramah keselamatan jalan raya telah diuruskan oleh Unit Korporat dan Perhubungan Awam pada sepanjang tahun 2015. Bagi aktiviti penampilan media pula, sebanyak 17 penampilan media yang telah diuruskan oleh Unit Korporat dan Perhubungan Awam dalam usaha penyebaran maklumat keselamatan jalan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

The Corporate and Knowledge Management Unit (UKPI) is responsible for strengthening the corporate image of the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS). In addition, UKPI is entrusted with the task of planning, managing and implementing promotional and publicity programmes, activities and services offered by MIROS.

Among UKPI's main roles is to increase strategic network and alliances in the field of road safety. MIROS has signed an agreement with the Malaysian Highway Authority (LLM), Shell Malaysia as well as the Bandung Institute of Technology. UKPI has also been tasked to prepare and distribute press releases, as well as assist the media in disseminating information on road safety research.

The Corporate and Knowledge Management Unit also manages protocol duties including media invitation, speech writing and management of MIROS events. The successful organisation of the Conference of ASEAN Road Safety 2015 (CARS 2015) is an important benchmark whereby UKPI played a pivotal role in handling the event, especially in matters related to protocol.

In 2015, the Corporate and Knowledge Management Unit participated in 37 road safety exhibitions held within and outside the country and organised a total of 32 lectures pertaining to road safety. In addition, the Corporate and Knowledge Management Unit has managed a total of 17 media appearances by MIROS in an effort to disseminate information on road safety at both national and international levels.





OFFICIAL PARTNERS



JABATAN KUALITI
JALAN RAYA



MALAYSIAN INSTITUTE OF ENGINEERS

EMBASSY OF SWEDEN

Kuala Lumpur

SCANIA DRIVER COMPETITIONS MALAYSIA SINGAPORE



An aerial, high-angle view of a city, likely Kuala Lumpur, Malaysia, featuring a multi-lane highway with a train on an elevated track. The city skyline, including the Petronas Twin Towers, is visible in the background under a hazy, golden sky. The image has a warm, orange-tinted overlay.

PROGRAM KESELAMATAN JALAN RAYA
ROAD SAFETY PROGRAMME

PROGRAM PENILAIAN KERETA BAHARU NEGARA ASEAN (ASEAN NCAP)

NEW CAR ASSESSMENT PROGRAMME FOR SOUTHEAST ASIA COUNTRIES (ASEAN NCAP)

Aktiviti Program Penilaian Kereta Baharu Negara Asean (ASEAN NCAP) untuk tahun 2015 bermula dengan program ASEAN NCAP Road Tour pada 25–28 Februari 2015. Program Road Tour telah diadakan di beberapa lokasi utama dengan hari pertama di R&R Pagoh (Selatan), hari kedua di R&R Seremban (Selatan) dan Universiti Teknologi Malaysia, Johor, hari ketiga di Universiti Sains Malaysia Nibong Tebal, Pulau Pinang dan R&R Tapah (Utara), dan hari keempat di R&R Sg. Buloh (Utara). Objektif ASEAN NCAP Road Tour adalah untuk mempromosi ASEAN NCAP kepada orang ramai selepas empat tahun penubuhannya. Program road tour ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penilaian keselamatan yang diberikan kepada model kereta yang telah dinilai oleh ASEAN NCAP dan juga mempamerkan kereta Proton Iriz yang telah diuji melalui ujian perlanggaran untuk tatapan umum. Di antara aktiviti yang ditawarkan semasa program ASEAN NCAP Road Tour adalah pertandingan selfie, sesi ceramah mengenai keselamatan jalan raya dan program ASEAN NCAP untuk kenderaan yang lebih selamat, kuiz, cabutan bertuah dan banyak lagi. Program ini mendapat sambutan yang tinggi berdasarkan bilangan “Likes” di Laman Facebook ASEAN NCAP-MY.

Ini kemudiannya diikuti dengan persediaan ASEAN Automobile Safety Forum (AASF 2015/003), yang merupakan edisi ketiga selepas yang pertama diadakan di Kuching, Malaysia dan yang kedua di Bangkok, Thailand. AASF yang ketiga untuk tahun 2015 telah dianjurkan di Bandung, Indonesia pada 20–23 September 2015 dan merupakan kerjasama dengan Institut Teknologi Bandung (ITB) sempena International Conference on Southeast Asia’s Decade of Action for Road Safety: Safer Vehicles. Acara ini telah dijalankan di dua lokasi yang berasingan dengan Mesyuarat

The New Car Assessment Programme for Southeast Asian Countries (ASEAN NCAP) kicked-off 2015 with ASEAN NCAP Road Tour which ran through from 25–28 February 2015. The road tour was held at several key locations with Day 1 at R&R Pagoh (Southbound), Day 2 at R&R Seremban (Southbound) and Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Day 3 at Universiti Sains Malaysia Nibong Tebal, Penang and R&R Tapah (Northbound), and Day 4 at R&R Sg. Buloh (Northbound). The objective of ASEAN NCAP Road Tour is to promote ASEAN NCAP to the general public after four years of its establishment. The tour also aimed to raise awareness of the safety ratings awarded to the car models that had been assessed by ASEAN NCAP and also to showcase the crashed Proton Iriz car for public viewing. Among the activities offered during the road tour was the selfie contest, public talk on road safety and ASEAN NCAP for safer vehicle, pop quiz, lucky draw and several others. The tour attracted a high number of visitors based the number of “Likes” on the ASEAN NCAP-MY Facebook Page.

This was later followed with the preparation of ASEAN Automobile Safety Forum (AASF 2015/003) event, the third edition after the first held in Kuching, Malaysia and the second in Bangkok, Thailand. The third AASF for 2015 was held in Bandung, Indonesia on 20–23 September 2015, a collaboration with Institut Teknologi Bandung (ITB) in conjunction with International Conference on Southeast Asia’s Decade of Action for Road Safety: Safer Vehicles. The event was conducted at two separate locations with ASEAN NCAP Technical and Steering Committee Meetings and ASEAN NCAP Media Coaching session were arranged at Grand Panghegar Hotel, whilst the conference, exhibition and manufacturers meeting were held at ITB.

PROGRAM PENILAIAN KERETA BAHARU ASEAN

ASEAN NEW CAR ASSESSMENT PROGRAMME (ASEAN NCAP)

Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu ASEAN NCAP bersama dengan sesi Media Coaching ASEAN NCAP telah dijalankan di Hotel Grand Panghegar manakala persidangan, pameran dan mesyuarat pengeluar kenderaan telah diadakan di ITB.

Sebelum acara AASF bermula, ASEAN NCAP turut menganjurkan Ujian Perlanggaran Motosikal dan Kyowa Technology Day di Provisional CRASE Crash Centre (PC3) di Melaka pada 18–20 Ogos 2015. Ujian perlanggaran motorsikal adalah ujian pertama seumpamanya yang diadakan di sebuah makmal perlanggaran yang lengkap dengan fasiliti bagi menjalankan ujian perlanggaran. Ujian ini adalah kerjasama antara ASEAN NCAP, MIROS PC3 dan The Sirindhorn International Thai-German Graduate School of Engineering (TGGS). Kyowa Technology Day pula dianjurkan untuk meraikan pemasangan load cell wall oleh Kyowa Electronics Instruments Co., Ltd., di MIROS PC3 yang merupakan pelaburan syarikat Kyowa sebanyak RM 6 juta kepada makmal tersebut. Ia telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Wong Shaw Voon, Ketua Pengarah MIROS yang juga merangkap Pengerusi ASEAN NCAP. Dengan pemasangan load cell wall ini, ASEAN NCAP akan dapat memperolehi data kesan daripada perlanggaran kedua-dua kenderaan, iaitu kereta yang digunakan untuk melanggar load cell wall dan kereta yang dilanggar (disimulasikan oleh load cell wall tersebut). Berdasarkan maklumat yang diperolehi, ASEAN NCAP dapat membantu pengeluar kenderaan untuk memperbaiki produk mereka bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

Sempena dengan Conference of ASEAN Road Safety (CARS) 2015 yang telah diadakan pada 3–6 November 2015 di Hotel Berjaya Times Square, ahli-ahli ASEAN NCAP juga telah terlibat semasa persidangan tersebut dengan menyampaikan topik berkaitan

Prior to AASF, ASEAN NCAP also organised a Motorcycle Crash Test and a Kyowa Technology Day at MIROS Provisional CRASE Crash Centre (PC3) in Malacca on 18–20 August 2015. The motorcycle crash test is the first such test held at a fully set-up crash lab. The test was a collaboration between ASEAN NCAP, MIROS PC3 and The Sirindhorn International Thai-German Graduate School of Engineering (TGGS). The Kyowa Technology day was organised to celebrate the investment of Kyowa Electronics Instruments Co., Ltd., on their RM 6 million load cell wall technology to MIROS PC3. It was officiated by Professor Dr. Wong Shaw Voon, Director-General of MIROS and Chairman of ASEAN NCAP. With the installation of the new load cell wall, ASEAN NCAP will be able to obtain impact data from both vehicles; the crashed vehicle and the other vehicle being crashed into. With the information obtained from the load cell wall, ASEAN NCAP will be able to help car manufacturers to improve their products so as to ensure the safety of motorists.

In conjunction with the Conference of ASEAN Road Safety (CARS) 2015 that was held on 3–6 November 2015 at Berjaya Times Square Hotel, ASEAN NCAP members also participated in the event by presenting topics with regards to ASEAN NCAP. The topics covered are an introduction to ASEAN NCAP, ASEAN NCAP technical assessment, and ASEAN NCAP updates and its 2017 Road Map. During the conference, ASEAN NCAP also set up an exhibition booth to promote ASEAN NCAP's result compilation book and its activities.

PROGRAM PENILAIAN KERETA BAHARU ASEAN

ASEAN NEW CAR ASSESSMENT PROGRAMME (ASEAN NCAP)

dengan ASEAN NCAP. Topik yang diliputi ialah pengenalan kepada ASEAN NCAP, penilaian teknikal oleh ASEAN NCAP, maklumat terkini berkenaan ASEAN NCAP dan juga ASEAN NCAP Road Map 2017. Semasa persidangan tersebut, ASEAN NCAP juga membuka booth pameran bagi mempromosikan buku kompilasi hasil keputusan ujian perlanggaran ASEAN NCAP berserta aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

Seterusnya pada 11 November 2015, ASEAN NCAP telah menganjurkan ASEAN NCAP Child Safety Day di Autoliv Hirotako Sdn. Bhd. dengan tema "Our Child, Our Priority". Ia telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye, Pengerusi MIROS. Di antara program yang telah diatur pada hari tersebut adalah paparan pelbagai kerusi keselamatan kanak-kanak, perkongsian pengalaman dalam sistem penahan kanak-kanak (CRS) oleh Encik Yushihiro Sukegawa daripada Japan Automobile Research Institute (JARI), pembentangan mengenai konsep keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan, demonstrasi ke atas pemasangan CRS untuk pengguna dewasa, dan kemuncak acara pada hari tersebut adalah demonstrasi sled test UN R44 bagi menilai tahap keberkesanan sesuatu CRS. Adalah diharapkan bahawa ASEAN NCAP Child Safety Day merupakan titik permulaan untuk ASEAN NCAP menjadi pusat rujukan bagi orang ramai bertanya mengenai keselamatan kanak-kanak dan juga sistem penahan kanak-kanak di dalam kenderaan. Ini supaya dapat menggalakkan lagi penggunaan CRS di kalangan masyarakat bagi mobiliti lebih selamat untuk kanak-kanak.

Subsequently on 11 November 2015, ASEAN NCAP Child Safety Day was organised at Autoliv Hirotako Sdn. Bhd. with the theme "Our Child, Our Priority". The Child Safety Day was officiated by YBhg. Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye, Chairman of MIROS. Some of the programmes arranged on that day were display of various range of child safety seats, presentations on the concept of child safety in vehicles and sharing of Japanese experience on child restraint system (CRS) by Mr. Yushihiro Sukegawa of Japan Automobile Research Institute (JARI), demonstration on the installation of CRS for adult users, and the highlight of the event is a UN R44 sled test demonstration to assess a CRS performance. It is hoped that the ASEAN NCAP Child Safety Day is a starting point for ASEAN NCAP to become a reference point for the public to refer to concerning child safety and child restraint system in vehicles in order to promote the use of CRS for safer mobility of children.



Pengerusi MIROS bersama tetamu di ASEAN NCAP Child Safety Day
MIROS Chairman and guests at the ASEAN NCAP Child Safety Day

PROGRAM PENILAIAN KERETA BAHARU ASEAN *ASEAN NEW CAR ASSESSMENT PROGRAMME (ASEAN NCAP)*

Sebelum tahun 2015 berakhir, ASEAN NCAP telah menerima jemputan untuk mengambil bahagian di dalam acara tahunan NST-MAI ASEAN Auto Show pada 12–15 November 2015 di Pusat Pameran & Konvention Antarabangsa MINES (MIECC), di Seri Kembangan. Objektif utama pameran ini adalah untuk mempromosikan ASEAN NCAP kepada pengguna/pembeli kenderaan khususnya dan juga kepada orang awam. Satu lagi bentuk promosi semasa pameran tersebut adalah dengan meminta pengunjung untuk “Like” di Halaman Facebook ASEAN NCAP-MY dan kemudian berkongsi gambar mereka di booth ASEAN NCAP dengan mana-mana dua kumpulan WhatsApp mereka.

Before the year ended, ASEAN NCAP received an invitation to participate in the annual NST-MAI ASEAN Auto Show from 12–15 November 2015 at the MINES International Exhibition & Convention Centre (MIECC) in Seri Kembangan. The main objective of the exhibition is to promote ASEAN NCAP to the vehicle consumers at large. Another form of promotion is to request visitors to like ASEAN NCAP-MY Facebook Page and then share their pictures at ASEAN NCAP’s booth with any two of their WhatsApp groups.

Peserta AASF 2015/003 di Bandung, Indonesia
Participants at AASF 2015/003 in Bandung, Indonesia



PROGRAM PENARAFAN BINTANG KESELAMATAN *SAFETY STAR GRADING PROGRAMME (SSG)*

Program SSG adalah salah satu inisiatif tambahan yang diperkenalkan pada tahun 2013 oleh MIROS bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan operasi syarikat bas komersil. Program SSG adalah program penarafan bintang yang diberikan ke atas syarikat bas yang layak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Program ini telah diperkenalkan berdasarkan rentetan beberapa siri kemalangan maut yang melibatkan bas ekspres yang telah berlaku. Program ini menggalakkan penyertaan secara sukarela daripada pengusaha bas komersil terutama pengusaha bas ekspres.

Pada tahun 2015, program SSG sekali lagi diteruskan di kalangan pengusaha bas terutamanya pengusaha bas ekspres. Penyertaan telah dibuka pada hujung tahun 2014 dan sesi taklimat kepada pengusaha bas telah diadakan diikuti dengan pendaftaran dan seterusnya aktiviti pengauditan. Sebanyak 6 pengusaha bas telah secara sukarela menyertai program ini. Aktiviti penilaian dan pengauditan telah dijalankan sekitar bulan Jun-Julai 2015 di premis-premis pengendali yang terbabit. Daripada 6 syarikat yang menyertai, hanya 2 syarikat sahaja yang layak dianugerahkan penarafan bintang. Majlis penyerahan anugerah SSG telah diadakan bersama-sama dengan majlis perasmian Conference of ASEAN Road Safety 2015 bertempat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada November 2015 yang lalu.

SSG program is one of the additional initiatives introduced in 2013 by MIROS aims to enhance the safety operation of the commercial bus companies. SSG Program will award bus companies which had meet the specific criteria with star grading. This program is introduced after a series of fatal accidents involving express buses which had occurred. The program aims to encourage voluntary participation of commercial bus operators especially express bus operators.

In 2015, the SSG program has continued running with the participation from bus operators particularly express bus operators. Registration of SSG program was started at the end of 2014 and a briefing was given to bus operators following registration and auditing activities. A total of six bus operators have voluntarily participated in the program. Auditing and evaluation activities have been carried out at June-July 2015 at the premises of the operators. Only two of the six companies are entitled with star grading award. The SSG awards ceremony was held in conjunction with the opening of the Conference of ASEAN Road Safety (CARS), 2015 at Berjaya Times Square, Kuala Lumpur in November 2015.



Sesi pemeriksaan di depoh bas
Work inspection at the bus depot

PROGRAM PENARAFAN BINTANG KESELAMATAN SAFETY STAR GRADING PROGRAMME (SSG)

Bil / No	Pengusaha Bas / Bus Operator	Pencapaian
1.	Sani Express Sdn. Bhd.	4 Bintang
2.	Syarikat Pengangkutan Maju Berhad	3 Bintang
3.	Tiara Pesona Sdn. Bhd.	Sijil Penghargaan / <i>Certificated of Appreciation</i>
4.	Handal Indah Sdn. Bhd	Sijil Penghargaan / <i>Certificated of Appreciation</i>
5.	Konsortium Bas Ekspres Semenanjung (M) Sdn. Bhd.	Sijil Penghargaan / <i>Certificated of Appreciation</i>
6.	Resort World Tours Sdn. Bhd.	Sijil Penghargaan / <i>Certificated of Appreciation</i>

Senarai pengusaha bas bagi Program Penarafan Bintang Keselamatan 2015
List of Bus Operators participated in Safety Star Grading Programme in 2015



Majlis penyampaian anugerah dan sijil SSG disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi.

The awards presentation of SSG officiated by Deputy Minister of Transport YB Datuk Abdul Aziz Kaprawi.

PROGRAM PENILAIAN KESELAMATAN JALAN RAYA ANTARABANGSA *INTERNATIONAL ROAD ASSESSMENT PROGRAMME (iRAP)*

MIROS telah diiktiraf sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan iRAP sejak tahun 2012 untuk memberi perkhidmatan latihan dan perundingan, serta membantu dalam hal-hal berkaitan operasi iRAP di Malaysia dan rantau ini. Pada tahun 2015, MIROS telah terlibat dalam dua projek perundingan iaitu

- i) Pengekodan data untuk Brunei;
- ii) Pengekodan data, penarafan bintang dan program penambahbaikan jalan untuk Papua New Guinea.

Kedua-dua projek ini bernilai lebih daripada RM150,000 dan telah dilaksanakan dengan sempurna pada tahun yang sama.

Satu sistem cerapan maklumat jalan yang dikenali sebagai Road Attribute Data Logger and Inspection System (RADIS) telah dibangunkan oleh MIROS dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Recogine Sdn. Bhd. pada tahun 2014 dan telah berfungsi sepenuhnya. Sistem ini telah digunakan dalam proses pengumpulan data ke atas 2,000 km lebuhraya di Malaysia sebagai satu usaha ke arah menentusahkan model penarafan bintang iRAP dengan menggunakan data kemalangan Malaysia. Sistem ini telah direkabentuk dengan ciri-ciri mudah alih bagi memudahkan ianya dipasang di mana-mana kenderaan dan proses kalibrasi RADIS juga adalah mesra pengguna.

MIROS juga mengambil bahagian di dalam Bengkel iRAP Asia Pasifik dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Global yang diadakan di Ibu Pejabat Bank Pembangunan Asian, Manila, Filipina. Kedua-dua acara ini merupakan aktiviti pembangunan kapasiti tahunan iRAP yang juga menjadi salah satu platform untuk

MIROS had been appointed as one of the iRAP Centre of Excellences in 2012 to facilitate the operation, consultation and training services for iRAP related activities in Malaysia and the region. In 2015, two consultancy projects were undertaken namely

- i) Data coding for Brunei;*
- ii) Data coding, star rating and safer roads investment plan for Papua New Guinea.*

These two projects which cost more than RM150,000 were completed in the same year.

A road survey system called the Road Attribute Data Logger (RADIS) which was developed since 2014 in partnerships with University Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) and Recogine Sdn. Bhd. was fully operational. This system was used to survey more than 2,000 km of expressways in Peninsular Malaysia as part of a research study to validate the iRAP Star Rating model using Malaysian crash data. The system was designed to be portable for ease of assemble at any type of vehicles and the calibration process is user friendly.

